



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI TERENGGANU TAHUN 2007



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	iii
INTI SARI LAPORAN	vi
BAHAGIAN I : PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007	
Pendahuluan	1
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007	2
Penarafan Indeks Akauntabiliti Terhadap Penyediaan Dan Persempahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu	2
BAHAGIAN II : ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Analisis Kewangan	4
Rumusan Dan Syor Audit	25
BAHAGIAN III : RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK-9	26
BAHAGIAN IV : PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI	
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	29
Objektif Pengauditan	30
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan	41
Rumusan Dan Syor Audit	41

PERKARA	MUKA SURAT
BAHAGIAN V : PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGENSI NEGERI	43
BAHAGIAN VI : PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM	
Pendahuluan	72
Pengauditan Penyata Kewangan	72
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	72
Persijilan Penyata Kewangan	73
Pembentangan Penyata Kewangan	74
Prestasi Kewangan	75
BAHAGIAN VII : TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU	
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara	79
BAHAGIAN VIII : PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara	84
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	84
PENUTUP	85
LAMPIRAN	
I Sijil Ketua Audit Negara	86
II Lembaran Imbangan	87
III Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	88
IV Penyata Akaun Memorandum	89
V Penyata Akaun Hasil Disatukan	90
VI Nota Kepada Akaun	91

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlumbagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1 Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2 Pelaksanaan Sistem Penarafan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan Jabatan – Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pengauditan pengurusan kewangan Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri bagi mengukur dan menambah baik kawalan pengurusan kewangan yang cemerlang. Indeks Akauntabiliti diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset, pinjaman, pelaburan dan penyediaan Penyata Kewangan. Dengan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti ini boleh membantu mewujudkan budaya kerja berdasarkan amalan terbaik. Selain itu, budaya “membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan Jabatan malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Tahun 2007 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Agensi Negeri sepanjang tahun 2007. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perpendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 1,936 baucar bayaran bernilai RM869.27 juta, 759 penyata pemungut bernilai RM2,889.44 juta dan 73 baucar jurnal bernilai RM3.57 juta.

3. **Pengauditan Syarikat Kerajaan** – Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam Syarikat Kerajaan/Swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian

pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke tahun, pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Jabatan Audit Negara telah mendapat perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap Syarikat Kerajaan berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

4. Laporan ini dibahagikan kepada 8 Bahagian seperti berikut:

- | | |
|----------------------|--|
| BAHAGIAN I | - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2007 |
| BAHAGIAN II | - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri |
| BAHAGIAN III | - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri |
| BAHAGIAN IV | - Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri |
| BAHAGIAN V | - Pengurusan Syarikat Subsidiari Kerajaan/Agensi Negeri |
| BAHAGIAN VI | - Penyerahan, Pengesahan Dan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Majlis Agama Islam |
| BAHAGIAN VII | - Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri |
| BAHAGIAN VIII | - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri |

5. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

6. Pada pendapat saya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Agensi Negeri boleh ditingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- i) **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan pegawai/kakitangan menjalankan tugas mereka. Kakitangan perlu melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.

- ii) ***INTEREST*** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi. Tidak ada sikap sambil lewa.
- iii) ***KNOWLEDGE*** – Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang bersesuaian dengan bidang tugas pegawai/kakitangan perlu dilaksanakan secara berterusan.
- iv) ***ATTITUDE*** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah (*sense of responsibility*).
- v) ***PROCEDURE*** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri/Syarikat Subsidiari Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
1 Julai 2008

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2007 pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Pada keseluruhannya, mutu penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2007 adalah baik. Angka yang ditunjukkan telah dapat disahkan dan bersamaan dengan dokumen sokongan yang dikemukakan. Analisis Audit telah menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah tidak memuaskan di mana baki Akaun Hasil Yang Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah defisit RM278.42 juta berbanding lebihan berjumlah RM5.97 juta pada tahun 2006 iaitu menurun sejumlah RM284.39 juta. Ini bermakna Kerajaan Negeri telah menggunakan sumber daripada Akaun Amanah Disatukan bagi menampung defisit tersebut. Tindakan yang wajar perlu diambil dengan mengamalkan perbelanjaan berhemat supaya keadaan ini tidak berterusan diamalkan kerana tidak semua wang amanah itu merupakan aset Kerajaan Negeri. Manakala jumlah aset yang ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum yang terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil berjumlah RM489.16 juta juga tidak mampu menampung tanggungan yang merupakan hutang awam berjumlah RM937.87 juta. Bagi mengelakkan perkara ini berterusan, Kerajaan Negeri hendaklah merancang segala perbelanjaannya dan dilakukan secara berhemat tanpa menjaskankan mutu perkhidmatan dan sumbangan kepada rakyat.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Prestasi perbelanjaan pembangunan adalah baik di mana sehingga akhir tahun 2007 sejumlah RM830.94 juta atau 81.9% telah dibelanjakan berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM1,014.06 juta. Kemajuan projek menunjukkan sebanyak 490 projek atau 82.9% berjaya disiapkan daripada 591 projek yang dirancang. Manakala 77 projek dalam pelaksanaan dan 24 projek belum dimulakan.

BAHAGIAN IV - PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI

4. Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati prestasi pengurusan kewangan di Jabatan Pertanian, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu adalah pada tahap baik. Manakala bagi Jabatan Perhutanan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Pejabat Tanah Setiu, Majlis Sukan Negeri dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu adalah pada tahap memuaskan. Di antara kelemahan yang ditemui ialah kawalan hasil, perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/deposit dan pengurusan aset. Antara punca kelemahan adalah disebabkan kegagalan mematuhi peraturan kewangan dan kurangnya penyeliaan daripada Pegawai Pengawal.

BAHAGIAN V - PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI KERAJAAN/AGENSI NEGERI

5. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Syarikat Terengganu Agrotech Development Corp. Sdn. Bhd. menunjukkan peningkatan di mana keuntungan semasa tahun 2006 yang berjumlah RM0.05 juta telah meningkat kepada RM0.38 juta bagi tahun 2007. Namun begitu, Syarikat perlu berusaha mempertingkatkan prestasi kewangannya kerana dana pemegang saham masih menunjukkan kedudukan yang defisit sejumlah RM3.45 juta. Syarikat perlu juga memperbaiki aliran kecairan bagi memastikan keupayaan dalam menjalankan aktiviti dan membayar hutang dapat dilaksanakan dengan baik. Selain itu, Perbadanan perlu mengkaji prestasi kewangan, kecekapan operasi dan pengeluaran produk bagi mempertingkatkan pulangan hasil kepada Syarikat.

BAHAGIAN VI - PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM

6. Sehingga 30 April 2008, semua Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember tahun 2006 dan 2007 kepada Jabatan Audit Negara. Penyata Kewangan Agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 telah disahkan dan dikeluarkan sijil Audit iaitu 14 Sijil Bersih dan 3 Sijil Berteguran. Analisis Audit terhadap penyata kewangan tahun 2006 mendapati 8 Badan Berkanun Negeri dan 6 Pihak Berkuasa Tempatan telah mencatat lebih pendapatan berbanding perbelanjaan.

**BAHAGIAN VII - TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

7. Susulan Audit telah dijalankan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2006. Hasil susulan Audit mendapati kebanyakan teguran Audit telah diambil tindakan pembetulan. Namun begitu masih terdapat teguran-teguran Audit yang belum diambil tindakan pembetulan oleh Jabatan/Agensi berkenaan.

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. PENDAHULUAN

1.1 Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2 Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 kepada Jabatan Audit Negara pada **10 Februari 2008**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2007 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.2.1 Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2 Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan bayaran bagi tahun 2007. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.2.3 Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan Dan Wang Deposit Berkanun serta Tunggakan Hasil. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Hutang Kerajaan Negeri adalah bagi maksud rancangan bekalan air, perumahan awam kos rendah, projek pembangunan dalam negeri, pembangunan dan pelbagai projek.

1.3 Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.4 Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2007. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri yang berkenaan melalui surat pengurusan sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2007 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum, Penyata Akaun Hasil Disatukan dan Nota Kepada Akaun adalah seperti di **Lampiran I hingga VI.**

3. PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI TERHADAP PENYEDIAAN DAN PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Selain memberi pendapat mengenai gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri, Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian secara objektif terhadap elemen-elemen dalam penyata kewangan untuk menentukan tahap penyediaan dan persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri. Penilaian ini meliputi peringkat interim dan muktamad.

3.1 PERINGKAT INTERIM

Pada peringkat interim, penilaian telah dijalankan melalui ujian terhadap terimaan, pembayaran, baucar jurnal dan penyata bulanan Sistem Perakaunan Berkomputer

Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Penilaian telah dilaksanakan terhadap butiran seperti berikut:

3.1.1 Terimaan

Penilaian terimaan terhadap akaun tunai bulanan, penyata pemungut, penyata penyesuaian hasil dan penyata penyesuaian bank (akaun terimaan).

3.1.2 Pembayaran

Penilaian pembayaran terhadap baucar bayaran, penyata penyesuaian bank (akaun bayaran), penyata penyesuaian perbelanjaan dan pindahan dana elektronik.

3.1.3 Baucar Jurnal

Penilaian terhadap penyediaan dan pemprosesan baucar jurnal.

3.1.4 Penyata Bulanan SPEKS

Penilaian terhadap penyata bulanan SPEKS yang berkaitan dengan wang tunai, Akaun perbelanjaan, akaun hasil dan akaun amanah.

3.2 PERINGKAT MUKTAMAD

Di peringkat muktamad, penilaian telah dilaksanakan terhadap penyediaan dan persempahan Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Akaun Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan dan Penyata Akaun Memorandum.

Pada pendapat Audit, penyediaan dan persempahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun kewangan 2007 adalah pada tahap baik dengan penarafan 3 bintang.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. ANALISIS KEWANGAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007 juga membuat analisis mengikut prinsip asas tunai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Analisis Audit yang dijalankan adalah berdasarkan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat kewangan yang berkaitan.

Dalam penyediaan penyata kewangan, Kerajaan Negeri perlu mematuhi sepenuhnya Piawaian Perakaunan Kerajaan yang ditetapkan iaitu melalui Persembahan Penyata Kewangan 2 (PPK 2) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara yang berkuat kuasa mulai tahun kewangan 2005. Semakan dan analisis Audit terhadap penyata kewangan akan dibuat berdasarkan Piawaian Perakaunan Kerajaan tersebut.

4.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4.1.1 Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2007 adalah RM492.35 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk Wang Tunai berjumlah RM402.85 juta dan Pelaburan berjumlah RM89.50 juta. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada tahun 2007, Kumpulan Wang Disatukan mengalami penurunan sejumlah RM549.50 juta atau 52.7% berbanding baki pada tahun 2006 yang berjumlah RM1,041.85 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan
Bagi Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	5.97	(278.42)	(284.39)	(4,763.7)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,035.88	770.77	(265.11)	(25.6)
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>				
	- Kumpulan Wang Pembangunan	154.12	(79.16)	(233.28)	(151.4)
	- Kumpulan Wang Bekalan Air	127.10	134.72	7.62	6.0
	- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	78.73	83.36	4.63	5.9
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	583.26	500.73	(82.53)	(14.2)
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	60.76	76.95	16.19	26.7
	<i>iv) Akaun Kena Bayar</i>	31.91	54.17	22.26	69.8
	Jumlah	1,041.85	492.35	(549.50)	(52.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.1.2 Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan
Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(143.79)	(306.81)	(178.26)	5.97	(278.42)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	72.27	102.76	6.31	0.00	0.00
3.	Akaun Amanah Disatukan Terdiri Daripada:	235.46	380.97	605.88	1,035.88	770.77
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>					
	- Kumpulan Wang Pembangunan	(39.86)	73.69	172.47	154.12	(79.16)
	- Kumpulan Wang Bekalan Air	24.34	42.93	131.84	127.10	134.72
	- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	71.87	67.67	70.54	78.73	83.36
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	111.05	125.35	122.81	583.26	500.73
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	61.94	58.67	50.94	60.76	76.95
	<i>iv) Akaun Kena Bayar</i>	6.12	12.66	57.28	31.91	54.17
	Jumlah	163.94	176.92	433.93	1,041.85	492.35

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.2 WANG TUNAI

4.2.1 Wang Tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank. Wang Tunai Dalam Tangan adalah Panjar Wang Runcit yang diluluskan kepada pemegang panjar. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah pungutan yang tidak diambil kira di Buku Tunai Pejabat Bendahari Negeri pada akhir tahun termasuk juga pungutan yang belum dibankkan. Manakala Wang Tunai Dalam Bank adalah baki-baki Akaun Semasa dan deposit dalam bank yang disimpan kurang daripada 3 bulan.

4.2.2 Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2007 dan 2006 menunjukkan penurunan sejumlah RM433.50 juta atau 51.8% kepada RM402.85 juta pada tahun 2007 berbanding RM836.35 juta pada tahun 2006. Penurunan ini disebabkan pengurangan hasil Kerajaan Negeri sejumlah RM299.01 juta dan peningkatan perbelanjaan mengurus sejumlah RM169.60 juta berbanding tahun 2006. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2007 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2007 Dan 2006

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	829.40	397.50	(431.90)	(52.1)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	6.88	5.27	(1.61)	(23.4)
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.07	0.08	0.01	14.3
	Jumlah	836.35	402.85	(433.50)	(51.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.2.3 Baki Wang Tunai bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Baki Wang Tunai Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007


Bil.	Butiran	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	15.47	22.95	433.46	829.40	397.50
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	2.91	5.41	0.40	6.88	5.27
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.06	0.06	0.07	0.07	0.08
	Jumlah	18.44	28.42	433.93	836.35	402.85

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.3 PELABURAN

Pelaburan adalah pembelian dan penjualan aset dan instrumen kewangan selain daripada wang tunai. Jenis pelaburan adalah seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia, saham dan deposit dalam negeri. Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah membuat pelaburan dalam bentuk Simpanan Tetap sejumlah RM89.50 juta di institusi kewangan selaras dengan Seksyen 8(3) Akta Prosedur Kewangan, 1957. Jumlah pelaburan ini menurun sejumlah RM116.00 juta atau 56.5% berbanding tahun 2006 yang berjumlah RM205.50 juta. Keadaan ini berlaku kerana sebahagian pelaburan telah dicairkan berikutan kedudukan semasa kewangan Kerajaan Negeri mengalami defisit berjumlah RM284.39 juta. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Carta 1**.

Carta 1
Kedudukan Pelaburan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.4 AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus Kerajaan. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2007 dengan defisit semasa berjumlah RM284.39 juta. Defisit ini berpunca daripada perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1,546.52 juta berbanding kutipan hasil yang berjumlah RM1,262.13 juta. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan adalah seperti berikut:

4.4.1 Hasil

Hasil Kerajaan Negeri dikategorikan kepada 3 jenis iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berjumlah RM1,262.13 juta iaitu menurun sejumlah RM299.01 juta atau 19.2% berbanding tahun 2006 berjumlah RM1,561.14 juta. Perbandingan hasil mengikut 3 kategori bagi tahun 2007 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Pungutan Hasil Bagi Tahun 2007 Dan 2006

Bil.	Kategori Hasil	Tahun		Lebihan/ (Kurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	34.02	36.98	2.96	8.7
2.	Hasil Bukan Cukai	106.02	125.36	19.34	18.2
3.	Terimaan Bukan Hasil	1,421.10	1,099.79	(321.31)	(22.6)
Jumlah		1,561.14	1,262.13	(299.01)	(19.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu


Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bagi tempoh 2003 hingga 2007, antara penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah daripada Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas), Bekalan Air, Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan Di Bawah Senarai Bersama, Premium Perhutanan dan Cukai Tanah Semasa seperti di **Jadual 6** dan **Carta 2**.

Jadual 6
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas)	0.00	150.00	1,015.00	1,334.20	1,000.00
2.	Bekalan Air	0.00	0.00	20.00	30.00	30.00
3.	Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan Di Bawah Senarai Bersama	0.00	36.08	21.55	23.71	26.08
4.	Premium Perhutanan	61.07	28.69	18.36	14.37	24.82
5.	Cukai Tanah Semasa	16.87	17.38	17.78	17.78	18.85
Jumlah		77.94	232.15	1,092.68	1,420.06	1,099.75

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Carta 2
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri
Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Daripada keseluruhan 132 butiran hasil yang berjumlah RM1,262.13 juta, sebanyak 71 butiran berjumlah RM51.89 juta menunjukkan peningkatan, manakala sebanyak 58 butiran hasil yang berjumlah RM350.90 juta mengalami penurunan. Selain itu, 3 butiran hasil berjumlah RM57.74 juta memperoleh jumlah kutipan yang sama seperti tahun lalu. Berikut adalah analisis peningkatan dan penurunan hasil ketara tahun 2007 berbanding tahun 2006.

- a) Analisis mengenai peningkatan yang ketara bagi 3 butiran hasil adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Peningkatan Hasil Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil (Tahun)		Peningkatan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Keuntungan Akaun Pelaburan Al-Mudharabah	15.74	28.34	12.60	80.1	Peningkatan kadar dividen yang diberikan oleh bank dan penambahan pelaburan dalam Simpanan Tetap.
2.	Pemberian Atas Perkhidmatan Projek Pembangunan Persekutuan	4.08	15.09	11.01	269.9	Peningkatan keluasan dan kenaikan kadar caj perkhidmatan projek pembangunan Persekutuan.
3.	Premium Perhutanan	14.37	24.82	10.45	72.7	Peningkatan keluasan dari 4,006 hektar pada 2006 kepada 6,876 hektar pada tahun 2007
Jumlah		34.19	68.25	34.06	99.6	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- b) Sebanyak 3 butiran hasil yang menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Penurunan Hasil Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Hasil	Pungutan Hasil (Tahun)		Penurunan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas)	1,334.20	1,000.00	334.20	25.1	Pengurangan terimaan Dana Khas daripada Kerajaan Persekutuan.
2.	Terimaan Balik Bayaran Tahun Lalu	8.36	1.59	6.77	81.0	Terimaan bayaran balik telah diterima dalam tahun semasa.
3.	Premium Tanah Biasa – Borang 5A	22.22	17.70	4.52	20.4	Pengurangan kelulusan permohonan tanah oleh Pihak Berkusa Negeri
Jumlah		1,364.78	1,019.29	345.49	25.3	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.4.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri terdiri daripada 5 kategori iaitu Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Peruntukan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2007 ialah berjumlah RM1,614.59 juta berbanding RM1,552.53 juta pada tahun 2006. Daripada RM1,614.59 juta, sejumlah RM1,546.52 juta atau 95.8% telah dibelanjakan. Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM169.61 juta atau 12.3% daripada RM1,376.91 juta pada tahun 2006 menjadi RM1,546.52 juta pada tahun 2007. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2007 dan 2006 mengikut pecahan butiran perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2007 Dan 2006

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Pengurangan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	169.58	186.68	17.10	10.1
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	109.79	121.76	11.97	10.9
3.	Aset	85.73	73.19	(12.54)	(14.6)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,011.18	1,163.41	152.23	15.1
5.	Perbelanjaan Lain	0.64	1.48	0.84	131.3
Jumlah		1,376.91	1,546.52	169.61	12.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Analisis Audit menunjukkan 4 kategori perbelanjaan iaitu Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap, Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan serta Perbelanjaan Lain telah

meningkat berbanding tahun 2006. Peningkatan perbelanjaan mengurus disebabkan antaranya oleh pertambahan pemberian caruman kepada Agensi Negeri dan pengumuman kenaikan gaji kakitangan sektor awam. Perbelanjaan bagi Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap telah mencatatkan perbelanjaan tertinggi bagi tahun 2007 iaitu berjumlah RM1,163.41 juta. Bagaimanapun bagi kategori Perbelanjaan Lain telah mencatat peratus peningkatan paling tinggi iaitu 131.3% atau berjumlah RM0.84 juta menjadi RM1.48 juta berbanding tahun 2006 yang berjumlah RM0.64 juta.

- a) Perbelanjaan mengurus yang mencatatkan peningkatan yang ketara pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
Peningkatan Perbelanjaan Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Peningkatan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Peningkatan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,011.18	1,163.41	152.23	15.1	Pertambahan pemberian caruman kepada Agensi Negeri
2.	Emolumen	169.58	186.67	17.09	10.1	Kenaikan Gaji Anggota Sektor Awam pada Julai 2007, pertambahan kakitangan dan pengisian perjawatan.
3.	Perkhidmatan Dan Bekalan	109.79	121.76	11.97	10.9	Penambahan perbelanjaan bagi penyelenggaraan dan pembaikan kecil.
Jumlah		1,290.55	1,471.84	181.29	14.0	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

- b) Perbelanjaan mengurus yang mencatatkan penurunan yang ketara pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Penurunan Perbelanjaan Ketara Tahun 2007 Berbanding Tahun 2006

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Perbelanjaan (Tahun)		Penurunan (RM Juta)	Peratus (%)	Punca Penurunan
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)			
1.	Aset	85.73	73.19	12.54	14.6	Sebahagian perolehan aset telah dibuat pada tahun 2006.
Jumlah		85.73	73.19	12.54	14.6	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu


Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri mengikut butiran perbelanjaan bagi tempoh 2003 hingga 2007 ditunjukkan di **Jadual 12** dan **Carta 3**.

Jadual 12
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Butiran Perbelanjaan	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Emolumen	146.79	149.22	156.96	169.58	186.68
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	51.66	63.08	85.82	109.79	121.76
3.	Aset	11.38	36.82	76.36	85.73	73.19
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	128.07	321.70	804.94	1,011.18	1,163.41
5.	Perbelanjaan Lain	0.23	0.53	0.97	0.64	1.48
Jumlah		338.13	571.35	1,125.05	1,376.92	1,546.52

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Carta 3
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri
Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007



Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1 Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air. Pada akhir tahun 2007, baki Akaun Pinjaman Disatukan ini adalah bersamaan kosong sama seperti tahun 2006. Ini adalah disebabkan pinjaman berjumlah RM49.14 juta yang diterima pada tahun 2007 untuk perbelanjaan bekalan air telah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Bekalan Air. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan bagi tahun 2007 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Akaun Pinjaman Disatukan Bagi Tahun 2007 Dan 2006

Bil.	Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Baki 1 Januari	6.31	0.00	(6.31)	(100.0)
2.	Terimaan	6.31	49.14	42.83	678.8
3.	Bayaran	12.62	49.14	36.52	289.4
Baki Pada 31 Disember		0.00	0.00	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.5.2 Kedudukan baki pinjaman mengikut kategori pada tahun 2007 berbanding tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Baki Pinjaman Mengikut Kategori Pada Tahun 2007 Dan 2006

Bil.	Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Bekalan Air	532.25	578.79	46.54	8.7
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	166.59	163.16	(3.43)	(2.1)
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	82.33	76.38	(5.95)	(7.2)
4.	Pembangunan Hutan	3.58	3.27	(0.31)	(8.7)
5.	Pelaburan	43.79	42.88	(0.91)	(2.1)
6.	Ladang Awam	72.20	72.08	(0.12)	(0.2)
7.	Program Menangani Masalah Y2K	2.31	1.31	(1.00)	(43.3)
Jumlah		903.05	937.87	34.82	3.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.5.3 Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman baru tanpa faedah berjumlah RM49.14 juta pada tahun 2007 bagi 7 projek bekalan air seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Pinjaman Baru Projek Bekalan Air Tahun 2007

Bil.	Nama Projek	Tarikh Terima Pinjaman	Jumlah (RM Juta)
1.	Membaik pulih Dan Mempertingkat Sistem Bekalan Air Negeri Terengganu	31.07.2007	1.21
2.	Membaik pulih Dan Mempertingkat Sistem Bekalan Air Negeri Terengganu	31.10.2007 19.12.2007	2.46 4.00
3.	Projek Pembinaan Barrage Di Sungai Besut, Terengganu	31.10.2007 16.12.2007	2.17 9.57
4.	Projek Pembinaan Barrage Di Sungai Kemaman, Terengganu	31.10.2007 16.12.2007	3.48 7.51
5.	Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Terhasil NWR N. Terengganu	16.12.2007 16.12.2007	10.00 3.55
6.	Membiayai Projek Program Kebangsaan GIS Negeri Terengganu	16.12.2007 28.12.2007	1.39 1.22
7.	Projek Bekalan Air Besut Peringkat 111, Terengganu	19.12.2007	2.58
Jumlah			49.14

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.5.4 Kedudukan baki pinjaman bagi tempoh 5 tahun iaitu tahun 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Kedudukan Baki Pinjaman Kerajaan Negeri
Kepada Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2003 Hingga 2007

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	521.25	536.24	546.54	532.25	578.79
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	146.84	164.33	166.62	166.59	163.16
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	93.75	91.07	82.33	82.33	76.38
4.	Pembangunan Hutan	3.94	3.94	3.78	3.58	3.27
5.	Pelaburan	46.05	43.79	43.79	43.79	42.88
6.	Ladang Awam	76.51	76.51	76.51	72.20	72.08
7.	Program Menangani Masalah Y2K	2.89	2.89	2.89	2.31	1.31
Jumlah		891.23	918.77	922.46	903.05	937.87

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.5.5 Sehingga akhir tahun 2007, bayaran balik berjumlah RM24.41 juta telah dibuat bagi 25 pinjaman, manakala tiada bayaran balik dibuat terhadap 68 pinjaman yang lain.

4.6 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak akta amanah, arahan amanah dan surat cara amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957, undang-undang dan perjanjian. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957. Baki Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2007 berjumlah RM770.77 juta iaitu menurun sejumrah RM265.11 juta atau 25.6% berbanding RM1,035.88 juta pada tahun 2006.

4.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulan Wang ini disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga Akta Prosedur Kewangan 1957, yang terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

a) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Punca kewangan Kumpulan Wang ini diperoleh melalui caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan, terimaan imbuhan balik daripada Kerajaan Persekutuan dan bayaran balik pinjaman daripada Agensi Kerajaan. Pada tahun 2007, Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri telah mencatat defisit sejumrah RM233.28 juta berbanding defisit sejumrah RM18.35

juta pada tahun 2006. Sehubungan ini, baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2007 mencatatkan defisit berjumlah RM79.16 juta. Pada tahun 2007, perbelanjaan pembangunan berjumlah RM784.02 juta berbanding RM547.07 juta pada tahun 2006 iaitu meningkat sejumlah RM236.95 juta atau 43.3%. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17
Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan Bagi Tahun 2007 Dan 2006

Bil.	Perkara	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Baki Pada 1 Januari	172.47	154.12	(18.35)	(10.6)
2.	Penerimaan	528.73	550.74	22.01	4.2
3.	Pembayaran	547.07	784.02	236.95	43.3
4.	Lebihan/(Defisit)	(18.35)	(233.28)	(214.93)	(1,171.3)
Baki Pada 31 Disember		154.12	(79.16)	(233.28)	(151.4)

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Daripada 15 pejabat yang terlibat dengan perbelanjaan pembangunan ini, tiga pejabat telah membelanjakan jumlah yang tertinggi iaitu Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM549.16 juta, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM45.97 juta dan Pejabat Tanah Dan Galian berjumlah RM69.74 juta. Selain itu, sejumlah RM80.16 juta telah dibelanjakan di bawah tajuk Pelbagai Pembangunan yang dikawal oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini bermakna 3 pejabat ini telah membelanjakan sejumlah RM745.03 juta atau 95% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan. Sejumlah RM343.29 juta daripada RM629.32 juta atau 54.5% yang dibelanjakan oleh Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri adalah perbelanjaan untuk pembinaan Kompleks Sukan Negeri, Pembinaan Pusat Latihan Sumber Manusia, pembinaan masjid dan surau, Pusat Pertumbuhan Desa dan Program Pembangunan Rakyat Termiskin.

b) Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Tatacara Kewangan Dan Perakaunan) 1980. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini diperoleh melalui caruman daripada Kerajaan Negeri dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Baki Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2007 adalah RM134.72 juta. Kumpulan Wang ini telah mencatat peningkatan sejumlah RM7.62 juta atau 6% berbanding RM127.10 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini disebabkan sejumlah RM49.14 juta pindahan daripada akaun pinjaman berbanding sejumlah RM12.62 juta pada tahun 2006. Selain itu, sejumlah RM5.40 juta juga telah diterima daripada caruman Kerajaan Negeri menjadikan jumlah terimaan pada tahun 2007 berjumlah RM54.54 juta. Pembayaran melalui Kumpulan Wang ini pada tahun 2007 berjumlah RM46.92 juta berbanding RM17.36 juta pada tahun 2006 iaitu peningkatan sejumlah RM29.56 juta atau 170.3%. Antara projek besar yang dibuat pembayaran pada tahun 2007 ialah projek Mengurangkan Kadar Air Kehilangan Air

Tidak Terhasil Terengganu berjumlah RM9.91 juta, Membakir Pulih Mempertingkat Sistem Bekalan Air berjumlah RM8.09 juta, Pembinaan *Barrage* di Sungai Besut berjumlah RM7.85 juta, Pembinaan *Barrage* di Sungai Kemaman berjumlah RM6.16 juta dan Naik Taraf Loji Air Serdang Dungun berjumlah RM2.23 juta.

c) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2007 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan
Bagi Tahun 2007 Dan 2006

Bil.	Perihal	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	2.91	8.87	5.96	204.8
2.	Akaun Perniagaan	3.30	1.06	(2.24)	(30.3)
3.	Akaun Pinjaman	48.94	49.84	0.90	1.8
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	5.00	5.00	0	0
5.	Pelbagai Kumpulan Wang	50.49	72.75	22.26	44.1
Baki Pada 31 Disember		110.63	137.53	26.90	24.3

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Pada akhir tahun 2007, baki Kumpulan Wang ini adalah berjumlah RM137.53 juta iaitu peningkatan sejumlah RM26.90 juta atau 24.3% berbanding tahun 2006 yang berjumlah RM110.63 juta. Peningkatan ini disebabkan pertambahan perbelanjaan yang dikenakan di bawah Akaun Kena Bayar yang berjumlah RM54.17 juta pada tahun 2007 meningkat sejumlah RM22.26 juta atau 69.8% berbanding RM31.91 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini juga disebabkan oleh pertambahan cek-cek batal yang berjumlah RM7.90 juta pada tahun 2007 iaitu meningkat sejumlah RM5.30 juta iaitu 203.9% berbanding RM2.60 juta pada tahun 2006. Manakala baki Akaun Perniagaan pada akhir tahun 2007 yang berjumlah RM1.06 juta telah menurun sejumlah RM2.24 juta atau 67.9% berbanding RM3.30 juta pada tahun 2006. Penurunan ini disebabkan penutupan Akaun Stor Tak Beruntuk Jabatan Kerja Raya dalam tahun 2007 dan baki akaunnya sejumlah RM0.89 juta telah dijadikan hasil Kerajaan Negeri.

i) Kumpulan Wang Luar Jangka

Kumpulan Wang Luar Jangka ditubuhkan selaras dengan Perkara 103 Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang ini ditubuhkan bagi maksud memenuhi keperluan perbelanjaan yang segera dan luar jangka seperti bencana alam. Pada tahun 2007, tidak ada sebarang urus niaga yang dibuat melalui Kumpulan Wang ini menjadikan baki Kumpulan Wang ini berjumlah RM5 juta tidak berubah berbanding tahun 2006.

ii) Akaun Kena Bayar

Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan yang diterima oleh Jabatan pada akhir tahun semasa yang tidak sempat dibayar dalam tahun semasa dan dibayar pada awal tahun berikutnya. Pada akhir tahun 2007, Akaun ini berjumlah RM54.17 juta berbanding RM31.91 juta pada tahun 2006 iaitu peningkatan sejumlah RM22.26 juta atau 69.8%. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh kelewatan pembekal/kontraktor mengemukakan tuntutan pembayaran. Butiran terperinci mengikut Jabatan adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan
Tahun 2007 Dan 2006

Bil.	Jabatan/Pejabat	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM)	2007 (RM)	(RM)	(%)
1.	Pejabat Pengelola Istana	51,181	140,538	89,357	174.7
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	7,727,635	18,793,408	11,065,773	143.2
3.	Dewan Undangan Negeri	146,211	101,921	(44,290)	(30.39)
4.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	1,940,247	155,410	(1,784,837)	(92.0)
5.	Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	16,810	9,197	(7,613)	(45.3)
6.	Pejabat Mineral Dan Geosains	0	597	597	100.0
7.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	2,680,735	1,404,921	(1,275,814)	(47.6)
8.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri	182,394	544,527	362,133	198.5
9.	Jabatan Kerja Raya Negeri	4,684,675	18,646,232	13,961,557	298.0
10.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	991,160	583,588	(407,572)	(41.1)
11.	Pejabat Daerah Besut	549,419	842,394	292,975	53.3
12.	Pejabat Daerah Dungun	3,197,141	2,326,414	(870,727)	(27.2)
13.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	1,626,314	1,135,961	(490,353)	(30.2)
14.	Pejabat Daerah Kemaman	260,266	926,883	666,617	256.1
15.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	4,154,908	2,175,609	(1,979,299)	(47.6)
16.	Pejabat Daerah Marang	23,570	744,913	721,343	3,060.4
17.	Pejabat Daerah Setiu	77,479	592,006	514,527	664.1
18.	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri	136,664	278,794	142,130	104.0
19.	Pejabat Tanah Besut	42,702	160,004	117,302	274.7
20.	Pejabat Tanah Dungun	11,097	12,493	1,396	12.6
21.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	11,622	11,069	(553)	(4.8)
22.	Pejabat Tanah Kemaman	23,277	39,158	15,881	68.2
23.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	17,120	22,836	5,716	33.4
24.	Pejabat Tanah Marang	21,369	15,479	(5,890)	(27.6)
25.	Pejabat Tanah Setiu	17,634	22,325	4,691	26.6
26.	Jabatan Kehakiman Syariah	17,874	58,511	40,637	227.3
27.	Jabatan Perancang Bandar & Desa	110,450	26,407	(84,043)	(76.1)
28.	Jabatan Perhutanan Negeri	344,338	73,651	(270,687)	(78.6)
29.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri	73,964	849,818	775,854	1,048.9
30.	Jabatan Pertanian Negeri	265,791	117,576	(148,215)	(55.8)
31.	Pelbagai Perkhidmatan (SUK)	1,550,308	3,016,817	1,466,509	94.6
32.	Bekalan Air	940,871	327,666	(613,205)	(65.2)
33.	Pejabat Mufti Negeri	11,321	14,554	3,233	28.5
Jumlah		31,906,547	54,171,677	22,265,130	69.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Berdasarkan **Jadual 19**, lima pejabat menunjukkan perbelanjaan Akaun Kena Bayar yang tinggi iaitu Pejabat Menteri Besar Dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM18.79 juta, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM18.65 juta, Pelbagai Perkhidmatan berjumlah RM3.02 juta, Pejabat Daerah Dungun berjumlah RM2.33 juta dan Pejabat Daerah Kuala Terengganu berjumlah RM2.18 juta. Manakala pejabat yang menunjukkan peningkatan yang ketara bagi perbelanjaan di bawah Akaun Kena Bayar adalah Pejabat Daerah Marang yang berjumlah RM0.72 juta, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri yang berjumlah RM0.78 juta, Pejabat Daerah Setiu sejumlah RM0.51 juta, Jabatan Kerja Raya sejumlah RM13.96 juta dan Pejabat Tanah Daerah Besut sejumlah RM0.12 juta. Pecahan perbelanjaan yang dikenakan di bawah Akaun Kena Bayar mengikut 4 Maksud Perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Butiran Perbelanjaan Jabatan Bagi Tahun 2007

Bil.	Jabatan/Pejabat	Maksud Perbelanjaan / (RM)				
		Perkhidmatan Dan Bekalan	Aset	Perbelanjaan Lain	Amanah Dan Pembangunan	Jumlah
1.	Pejabat Pengelola Istana	80,037	0	0	0	80,037
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	1,062,986	2,929,163	3,471,339	11,187,456	18,650,943
3.	Dewan Undangan Negeri	95,703	0	0	0	95,703
4.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	27,684	11,340	0	100,000	139,024
5.	Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	7,746	0	0	0	7,746
6.	Pejabat Mineral Dan Geosains	212	0	0	0	212
7.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	925,232	52,800	365,211	0	1,343,243
8.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	43,997	426,024	66,638	0	536,659
9.	Jabatan Kerja Raya	795,280	1,147,826	0	16,421,988	18,365,094
10.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	122,043	19,842	0	399,272	541,157
11.	Pejabat Daerah Besut	46,932	239,210	238,896	299,942	824,980
12.	Pejabat Daerah Dungun	81,142	74,245	78,665	2,083,372	2,317,524
13.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	22,278	35,468	10,467	1,056,770	1,124,982
14.	Pejabat Daerah Kemaman	61,964	12,500	67,927	772,585	914,975
15.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	19,005	20,000	148,788	1,958,907	2,146,699
16.	Pejabat Daerah Marang	15,195	109,420	8,550	625,544	734,289
17.	Pejabat Daerah Setiu	19,768	107,949	29,920	422,433	581,541
18.	Pejabat Tanah Dan Galian	163,743	0	0	0	271,692
19.	Pejabat Tanah Besut	19,304	0	0	138,776	158,080
20.	Pejabat Tanah Dungun	6,984	0	0	0	6,984
21.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	9,477	0	0	0	9,477
22.	Pejabat Tanah Kemaman	27,065	0	0	0	27,065
23.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	20,001	0	0	0	20,001
24.	Pejabat Tanah Marang	8,213	0	6,177	0	14,390
25.	Pejabat Tanah Setiu	19,265	0	0	0	19,265
26.	Jabatan Kehakiman Syariah	53,318	0	0	0	53,318
27.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	25,984	0	0	0	25,984
28.	Jabatan Perhutanan Negeri	60,417	0	0	960	61,377
29.	Jabatan Haiwan Negeri	64,903	0	0	752,399	817,302
30.	Jabatan Pertanian Negeri	68,228	0	0	0	68,228
31.	Pelbagai Perkhidmatan (SUK)	290,301	1,398,864	1,312,362	0	3,001,526
32.	Pejabat Bekalan Air	4,367	0	0	322,765	327,132
33.	Pejabat Mufti Negeri	12,349	0	0	0	12,349
Jumlah		4,281,119	6,669,751	5,804,938	36,543,168	53,298,977

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri Terengganu

4.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang yang diterima daripada orang awam dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan Kumpulan Wang ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Baki bagi 48 akaun amanah dalam Kumpulan Wang ini pada akhir tahun 2007 adalah berjumlah RM500.73 juta berbanding RM583.26 juta pada akhir tahun 2006 iaitu menurun sejumlah RM82.53 juta atau 14.2%. Manakala sebanyak 8 akaun amanah tidak mempunyai baki dan tidak ada urus niaga pada tahun 2007. Adalah disyorkan supaya tindakan diambil bagi menutup semua akaun amanah yang terlibat seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Akaun Amanah Yang Tidak Ada Urus Niaga Pada Tahun 2007

Bil.	Pejabat	Akaun Amanah
1.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	Kumpulan Wang Amanah Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain
2.	Pengarah Kerja Raya Negeri	Peruntukan DiRaja Jenis 4
3.	Pegawai Daerah Setiu	Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya
4.	Pengarah Perhutanan Negeri	Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya
5.	Pejabat Menteri Besar Dan SUK	Wang Amanah Kerja Penguatkuasaan PTG
6.	Pegawai Daerah Hulu Terengganu	Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya
7.	Hakim Mahkamah Syariah	Akaun Amanah Tabung Kebajikan Anak-anak Yatim
8.	Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri	Derma Bantuan Banjir Terengganu

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

a) Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

Pada tahun 2007, baki Kumpulan Wang ini berjumlah RM133.68 juta berbanding RM107.10 juta pada tahun 2006 iaitu meningkat sejumlah RM26.58 juta atau 24.8%. Peningkatan ini disebabkan terimaan berjumlah RM172.98 juta berbanding perbelanjaan yang berjumlah RM146.40 juta. Kedudukan Kumpulan Wang ini bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri
Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Perkara	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Baki Pada 1 Januari	106.54	100.08	120.00	107.31	107.10
2.	Penerimaan	23.06	120.09	43.71	55.13	172.98
3.	Pembayaran	29.52	100.17	56.40	55.34	146.40
4.	Lebihan/(Defisit)	(6.46)	19.92	(12.69)	(0.21)	26.58
Baki Pada 31 Disember		100.08	120.00	107.31	107.10	133.68

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

b) Kumpulan Wang Amanah Perhutanan

Kumpulan Wang ini diwujudkan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984. Tujuan penubuhannya adalah untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Pada tahun

2007, kutipan ses hutan adalah berjumlah RM3.56 juta berbanding RM3.81 juta pada tahun 2006 iaitu menurun sejumlah RM0.25 juta atau 6.6%. Penurunan ini disebabkan penurunan pengeluaran balak sebanyak 90,272 meter padu daripada 494,059 meter padu pada tahun 2006 kepada 403,787 meter padu pada tahun 2007. Manakala perbelanjaan Kumpulan Wang pula mencatatkan peningkatan sejumlah RM0.19 juta atau 7.8% menjadi RM2.63 juta pada tahun 2007 berbanding RM2.44 juta pada tahun 2006. Peningkatan ini disebabkan perbelanjaan bagi Projek Hutan Lipur dan Rimba Bandar Bukit Bauk yang berjumlah RM0.19 juta. Sehingga akhir tahun 2007, baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan adalah berjumlah RM5.09 juta.

c) Amanah Dana Khas

Akaun ini ditubuhkan pada pertengahan tahun 2006 bertujuan untuk mengakaunkan wang yang diterima bagi melaksanakan program yang dibiayai di bawah Dana Khas sumbangan Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2007, sejumlah RM70.10 juta telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan manakala perbelanjaan berjumlah RM216.23 juta menjadikan baki akaun ini berjumlah RM284.96 juta iaitu menurun sejumlah RM146.13 juta berbanding tahun 2006 yang berjumlah RM431.09 juta.

d) Akaun Amanah Tabung Terengganu Advanced Technical Institute (TATI)

Akaun ini ditubuhkan pada 1 Mac 2007 bagi mengakaunkan geran persekutuan daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan sumbangan daripada orang awam yang digunakan untuk membiayai pelbagai perbelanjaan TATI. Akaun ini dikawal oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri. Pada tahun 2007, sejumlah RM10.50 juta telah diterima dan pembayaran berjumlah RM2.33 juta telah dibuat kepada TATI menjadikan baki akaun ini berjumlah RM8.17 juta.

e) Akaun Amanah Tabung Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (TESDEC)

Akaun ini ditubuhkan pada 1 Mac 2007 bagi mengakaunkan geran persekutuan daripada Kementerian Kewangan Malaysia dan sumbangan daripada orang awam yang digunakan untuk membiayai pelbagai perbelanjaan TESDEC. Akaun ini dikawal oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri. Pada tahun 2007, sejumlah RM16.72 juta telah diterima dan pembayaran berjumlah RM16.72 juta telah dibuat kepada TESDEC.

4.6.3 Akaun Wang Deposit

Deposit merupakan wang yang diterima bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan setelah selesai maksudnya. Baki Akaun Wang Deposit pada akhir tahun 2007 berjumlah RM76.96 juta iaitu meningkat sejumlah RM16.20 juta atau 26.7% berbanding tahun 2006 yang berjumlah RM60.76 juta. Analisis Audit menunjukkan peningkatan yang ketara melibatkan Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan di Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta Akaun Deposit Am Pejabat Tanah Dungun iaitu masing-masing meningkat sejumlah RM8.90 juta, RM2.50 juta dan RM4 juta.

Bagaimanapun Akaun Deposit Tunggakan Cukai Tanah di Pejabat Tanah Daerah Dungun mencatatkan penurunan sejumlah RM1.66 juta atau 97.1% iaitu daripada RM1.75 juta pada tahun 2006 menjadi RM0.09 juta pada tahun 2007.

4.7 PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN

Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan terimaan dan pembayaran wang tunai dan kesetaraan tunai. Kesetaraan tunai merupakan pelaburan untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan yang mudah ditukar kepada wang tunai. Terimaan wang tunai terdiri daripada hasil, pinjaman dalam negeri dan luar negeri, terimaan modal dan lain-lain terimaan amanah. Manakala pembayaran wang tunai terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dalam dan luar negeri serta lain-lain bayaran amanah. Pada tahun 2007, baki wang tunai adalah berjumlah RM180.50 juta berbanding RM85.40 juta pada tahun 2006 iaitu peningkatan sejumlah RM95.10 juta atau 111.4%. Terimaan wang tunai Kerajaan Negeri pada tahun 2007 berjumlah RM1,317.02 juta berbanding RM1,596.19 juta pada tahun 2006 iaitu penurunan sejumlah RM279.17 juta atau 17.5% seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Terimaan Wang Tunai Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Terimaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus
1.	Hasil Cukai	34.03	36.99	2.96	8.7
2.	Hasil Bukan Cukai	106.02	125.36	19.34	18.2
3.	Terimaan Bukan Hasil	1,421.10	1,099.79	(321.31)	(22.6)
4.	Pinjaman Dalam Negeri	6.31	49.14	42.83	678.8
5.	Terimaan Balik Pinjaman	28.73	5.74	(22.99)	(80.0)
Jumlah		1,596.19	1,317.02	(279.17)	(17.5)

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Penerimaan wang tunai paling tinggi adalah daripada Terimaan Bukan Hasil iaitu sejumlah RM1,099.79 juta iaitu 83.5% daripada jumlah keseluruhan terimaan tahun 2007. Manakala jumlah pembayaran wang tunai pada tahun 2007 berjumlah RM2,377.47 juta berbanding RM1,941.34 juta pada tahun 2006 iaitu peningkatan sejumlah RM436.13 juta atau 22.5% seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Pembayaran Wang Tunai Bagi Tahun 2007 Berbanding 2006

Bil.	Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	(RM Juta)	Peratus
1.	Perbelanjaan Mengurus	1,376.91	1,546.52	169.61	12.3
2.	Perbelanjaan Pembangunan	547.07	784.03	236.96	43.3
3.	Perbelanjaan Bekalan Air	17.36	46.92	29.56	170.3
Jumlah		1,941.34	2,377.47	436.13	22.5

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Pembayaran wang tunai tertinggi adalah bagi perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM1,546.52 juta atau 65.1% daripada keseluruhan pembayaran wang tunai pada tahun 2007. Jumlah ini adalah peningkatan RM169.61 juta atau 12.3% daripada tahun 2006 yang berjumlah RM1,376.91 juta.

4.8 AKAUN MEMORANDUM

Penyata ini menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri yang boleh luput atau dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan. Penyata Akaun Memorandum menunjukkan pada tahun 2007, aset Kerajaan Negeri terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil manakala tanggungan Kerajaan Negeri dinyatakan sebagai Hutang Awam. Kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Kedudukan Aset Dan Tanggungan Kerajaan Negeri
Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Aset/Tanggungan	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Aset					
1.	Pinjaman Boleh Dituntut	459.74	461.17	451.09	363.60	357.86
2.	Pelaburan	20.07	35.92	31.32	51.91	35.50
3.	Tunggakan Hasil	95.77	85.23	106.19	95.93	95.80
	Jumlah	575.58	582.32	588.60	511.44	489.16
4.	Tanggungan					
4.	Hutang Awam	891.23	918.77	922.46	903.05	937.87

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.8.1 Pinjaman Boleh Dituntut

Selain menggunakan sumber kewangan sendiri, Kerajaan Negeri mendapat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunan dan memberi pinjaman kepada Agensi Negeri. Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk diberikan kepada Agensi Negeri. Kedudukan baki pinjaman Agensi Negeri kepada Kerajaan Negeri menurun sejumlah RM5.74 juta atau 1.6% iaitu daripada RM363.60 juta pada tahun 2006 menjadi RM357.86 juta pada tahun 2007. Penurunan ini disebabkan bayaran balik pinjaman yang dibuat oleh 4 daripada 6 Agensi Negeri yang terlibat. Agensi Negeri yang membuat bayaran balik pada tahun 2007 ialah Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu berjumlah RM2.47 juta, Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu berjumlah RM2.50 juta, Majlis Daerah Besut berjumlah RM0.30 juta dan Majlis Daerah Hulu Terengganu berjumlah RM0.47 juta. Manakala 2 Agensi tidak membuat sebarang bayaran balik iaitu Yayasan Islam Terengganu dan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu yang mempunyai tunggakan bayaran balik termasuk faedah masing-masing berjumlah RM57.21 juta dan RM26.26 juta. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tempoh 5 tahun seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Peminjam	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri						
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri	331.42	333.33	330.30	265.91	263.44
2.	Yayasan Islam	48.37	48.37	48.37	48.37	48.37
3.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri	45.00	45.00	42.50	20.00	17.50
4.	Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin	4.00	4.00	0	0	0
Pihak Berkuasa Tempatan						
1.	Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	28.55	28.55	28.55	28.55	28.55
2.	Majlis Daerah Besut	0.33	0.33	0.31	0.30	0
3.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	0.59	0.59	0.55	0.47	0
4.	Majlis Perbandaran Kemaman	1.48	1.00	0.51	0	0
Jumlah		459.74	461.17	451.09	363.60	357.86

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.8.2 Pelaburan

Pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri melalui perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2007, pelaburan saham dan syer dalam syarikat berjumlah RM35.50 juta berbanding RM36.15 juta pada tahun 2006. Pada mulanya pelaburan ini terdiri daripada pelaburan tersiar harga yang dibuat melalui Perbadanan Menteri Besar Terengganu (MBI). Pada Mac 2007, Kerajaan Negeri melalui sayap pelaburannya iaitu Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TI) telah membuat penyusunan semula di mana semua saham milik MBI yang berjumlah 39,967,172 unit di 7 syarikat awam telah dipindahkan kepada TI. Pindah milik semua saham ini telah disempurnakan pada Ogos 2007. Penyusunan ini dibuat melalui Perjanjian Penyusunan Semula Organisasi di antara MBI dan TI yang ditandatangani pada Mac 2007. Hasil daripada penyusunan itu, pertimbangan yang telah dipersetujui adalah dengan pemberian saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu bagi nilai aset yang diterima oleh TI. Selain itu, sejumlah RM0.50 juta di Syarikat MBI Capital Sdn. Bhd. yang ditubuhkan khusus bagi pelaksanaan Skim Tawaran Pembelian Balik Khas Unit Amanah Saham Darul Iman (ASDI) kepada pelabur yang telah membeli sesaham unit ASDI pada harga RM1.00 dan ke atas. Kedudukan pelaburan bagi tempoh 2003 hingga 2007 adalah seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Kedudukan Pelaburan Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Saham Dan Syer	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Saham Tersiar Harga						
1.	Terengganu Development Management Bhd.	20.07	35.92	31.13	35.92	0.00
2.	IJM Plantation Bhd.	0.00	0.05	0.01	0.05	0.00
3.	Hume Industries (Malaysia) Bhd.	0.00	0.04	0.03	0.04	0.00
4.	Wah Seong Corporation Bhd.	0.00	0.04	0.04	0.04	0.00
5.	Digi Com Bhd.	0.00	0.06	0.08	0.06	0.00
6.	BSA International Bhd.	0.00	0.01	0.007	0.01	0.00
7.	MTD Capital Bhd.	0.00	0.03	0.02	0.03	0.00
Saham Tak Tersiar Harga						
8.	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	35.00
9.	MBI Capital Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.00	0.00	0.50
Jumlah		20.07	36.15	31.317	36.15	35.50

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.8.3 Hutang Kerajaan Negeri

Hutang Kerajaan Negeri merupakan semua pinjaman yang diambil daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri. Pada akhir tahun 2007, baki hutang Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM937.87 juta berbanding RM903.05 juta pada tahun 2006 iaitu meningkat sejumlah RM34.82 juta atau 3.9%. Peningkatan hutang ini adalah disebabkan pinjaman baru yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM49.14 juta pada tahun 2007 bagi membiayai Projek Bekalan Air. Tunggakan bayaran balik pinjaman termasuk faedah pada tahun 2007 telah meningkat menjadi RM374.74 juta berbanding RM335.29 juta pada tahun 2006 iaitu meningkat sejumlah RM39.45 juta atau 11.8%. Pada tahun 2007, Kerajaan Negeri telah menjelaskan hutang kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM14.32 juta. Kedudukan hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Hutang Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Jenis Hutang	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Bekalan Air	521.25	536.24	546.54	532.25	578.79
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	146.84	164.33	166.62	166.59	163.16
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	93.75	91.07	82.33	82.33	76.38
4.	Pembangunan Hutan	3.94	3.94	3.78	3.58	3.27
5.	Pelaburan	46.05	43.79	43.79	43.79	42.88
6.	Ladang Awam	76.51	76.51	76.51	72.20	72.08
7.	Program Menangani Masalah Y2K	2.89	2.89	2.89	2.31	1.31
Jumlah		891.23	918.77	922.46	903.05	937.87

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

4.8.4 Tunggakan Hasil

Pada tahun 2007, keseluruhan tunggakan hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM13.11 juta iaitu tidak termasuk tunggakan faedah pinjaman yang berjumlah RM82.70 juta. Tunggakan hasil tersebut menunjukkan penurunan sejumlah RM2.71 juta atau 14.4%

berbanding tunggakan pada tahun 2006 berjumlah RM18.82 juta. Butiran tunggakan hasil bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Tunggakan Hasil Bagi Tempoh 2003 Hingga 2007

Bil.	Jenis Hasil	Tahun				
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	17.87	9.10	27.28	15.53	12.82
2.	Lain-lain Hasil	0.22	0.24	0.25	0.29	0.29
3.	Hasil Hutan	4.54	0	0	0	0
Jumlah		22.63	9.34	27.53	15.82	13.11

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Penurunan jumlah tunggakan hasil ini disebabkan penurunan tunggakan Cukai Tanah sejumlah RM2.71 juta atau 17.4% iaitu daripada RM15.53 juta pada tahun 2006 berbanding RM12.82 juta pada tahun 2007. Butiran tunggakan Cukai Tanah mengikut Pejabat Tanah bagi tahun 2007 dan 2006 adalah seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Tunggakan Cukai Tanah Mengikut Pejabat Tanah
Bagi Tahun 2007 Dan 2006

Bil.	Pejabat Tanah	Tahun 2006 (RM Juta)	Tahun 2007 (RM Juta)	Peningkatan/ Penurunan	
				(RM Juta)	Peratus
1.	Pejabat Tanah Kemaman	4.04	2.29	(1.75)	(43.3)
2.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	2.20	2.13	(0.07)	(3.2)
3.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	2.10	1.97	(0.13)	(6.2)
4.	Pejabat Tanah Besut	1.90	1.53	(0.37)	(19.5)
5.	Pejabat Tanah Marang	1.80	1.83	0.03	1.7
6.	Pejabat Tanah Dungun	1.76	1.83	0.07	4.0
7.	Pejabat Tanah Setiu	1.73	1.24	(0.49)	(28.3)
Jumlah		15.53	12.82	(2.71)	(17.4)

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

Pada keseluruhannya, lima Pejabat Tanah mencatatkan penurunan tunggakan hasil berbanding 2 Pejabat Tanah yang terus merekodkan peningkatan. Pejabat Tanah Kemaman menunjukkan penurunan tunggakan Cukai Tanah paling tinggi iaitu sejumlah RM1.75 juta disebabkan usaha yang dibuat oleh Pejabat Tanah memberitahu orang ramai supaya menjelaskan cukai tanah melalui notis yang dikeluarkan atau cara hebahan yang lain.

5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada pendapat Audit, kedudukan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2007 adalah kurang memuaskan. Analisis Audit telah menunjukkan baki Akaun Hasil Yang Disatukan pada akhir tahun 2007 berjumlah defisit RM278.42 juta telah menurun sejumrah RM284.39 juta atau 4,763.7% berbanding lebihan berjumlah RM5.97 juta pada tahun 2006. Ini bermakna Kerajaan Negeri telah menggunakan sumber daripada Akaun Amanah Disatukan bagi menampung defisit tersebut. Tindakan yang wajar perlu diambil dengan mengamalkan perbelanjaan berhemat supaya keadaan ini tidak berterusan diamalkan kerana tidak semua wang amanah itu merupakan aset Kerajaan Negeri. Jumlah aset yang ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum yang terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tuggakan Hasil berjumlah RM489.16 juga tidak mampu menampung tanggungan yang merupakan hutang awam berjumlah RM937.87 juta. Bagi mengelakkan perkara ini berterusan, Kerajaan Negeri hendaklah merancang segala perbelanjaannya dan dilakukan secara berhemat tanpa menjaskan mutu perkhidmatan dan sumbangan kepada rakyat.

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

6. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (RMK-9)

6.1 Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) Negeri Terengganu untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2006. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan negeri Terengganu. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Terengganu mencapai status negeri maju menjelang tahun 2020.

6.2 Bagi menjayakan RMK-9 sejumlah RM9,719.76 juta peruntukan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Pada tahun 2007 jumlah peruntukan pembangunan yang diluluskan adalah RM1,014.06 juta. Peruntukan ini telah diagihkan kepada 17 Jabatan/Pejabat. Dua daripada 17 jabatan yang menerima peruntukan tertinggi adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM685.03 juta atau 67.6% dan Jabatan Bekalan Air berjumlah RM73.45 juta atau 7.2%.

6.2.1 Pada tahun 2007 sebanyak 591 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh 17 Jabatan/Pejabat. Semakan Audit menunjukkan 3 Jabatan mempunyai bilangan projek yang melebihi 50 projek yang keseluruhannya bernilai RM780.82 juta iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pejabat Daerah Kuala Terengganu dan Pejabat Daerah Hulu Terengganu. Pada keseluruhannya sebanyak 567 projek atau 95.9% daripada 591 projek yang diluluskan telah dilaksanakan. Sejumlah RM830.94 juta atau 81.9% daripada RM1,014.06 juta telah dibelanjakan oleh 17 Jabatan/Pejabat sehingga Disember 2007. Status pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Status Pelaksanaan Projek RMK-9

Bil.	Status Projek	Jabatan/ Pejabat Terlibat	Bilangan Projek	Peratusan (%)
1.	Projek Telah Siap	17	490	82.9
2.	Projek Mendarului Jadual	0	0	-
3.	Projek Mengikut Jadual	7	77	13.0
4.	Projek Lewat Dari Jadual	0	0	-
5.	Projek Belum Mula	5	24	4.1
Jumlah		29	591	100

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

6.2.2 Secara keseluruhannya, kebanyakan Jabatan/Pejabat telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 80% kecuali 2 jabatan iaitu Pejabat Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Bekalan Air masing-masing membelanjakan RM2.65 juta atau 53% dan

RM46.92 juta atau 63.9% daripada jumlah yang diperuntukkan. Prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMK-9 adalah seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK-9
Sehingga 31 Disember 2007

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan Yang Diluluskan RMK-9 Tahun 2007 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2007 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	685.03	549.16	80.2
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	5.00	2.65	53.0
3.	Jabatan Kerja Raya	54.98	45.97	83.6
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	8.35	7.98	95.6
5.	Pejabat Daerah Besut	2.10	2.06	98.1
6.	Pejabat Daerah Dungun	2.00	1.96	98.0
7.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	2.00	1.87	93.5
8.	Pejabat Daerah Kemaman	2.00	1.86	93.0
9.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	6.24	5.73	91.8
10.	Pejabat Daerah Marang	2.07	1.80	87.0
11.	Pejabat Daerah Setiu	2.00	1.92	96.0
12.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	70.00	69.74	96.6
13.	Jabatan Perhutanan	5.00	4.99	99.8
14.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	2.00	1.94	97.0
15.	Jabatan Pertanian Negeri	4.29	4.23	98.6
16.	Pelbagai Pembangunan	87.55	80.16	91.6
17.	Jabatan Bekalan Air	73.45	46.92	63.9
Jumlah		1,014.06	830.94	81.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu

6.2.3 Sejumlah 567 daripada keseluruhan 591 projek yang dirancang telah berjaya dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 490 projek telah disiapkan sepenuhnya. Antaranya ialah Projek Bekalan Air Besut Peringkat 2, Projek Bekalan Air Kemaman Peringkat 2, Masjid Kampung Kesom Haji Hussin dan Masjid Kampung Sungai Binjai Ajil. Manakala 77 projek sedang dilaksanakan antaranya projek Masjid Jerteh, Kompleks Sukan Negeri Terengganu, *International Training Centre* dan Pusat Sains Dan Kreativiti. Selain itu, 24 projek masih belum dimulakan lagi antaranya adalah Projek Pasar Borong Dan Pasar Raya Tani, Taman Rekreasi Bukit Pak Apil, Naik Taraf Loji Air Serdang dan Bekalan Air Besut Peringkat 3. Projek-projek yang masih belum dimulakan ini disebabkan masih dalam peringkat penyediaan dokumen tender, kelewatan memiliki tapak, dalam kajian perunding dan peringkat reka bentuk. Prestasi pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2007 adalah seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Status Pelaksanaan Projek RMK-9 Setakat 31 Disember 2007

Bil.	Maksud Pembangunan	Sedang Dilaksanakan	Dahulu Jadual	Lewat Jadual	Belum Mula	Siap Sebenar	Jumlah
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	43			17	38	98
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	1				1	2
3.	Jabatan Kerja Raya	5			2	32	39
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran					17	17
5.	Pejabat Daerah Besut					41	41
6.	Pejabat Daerah Dungun					31	31
7.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu					55	55
8.	Pejabat Daerah Kemaman					23	23
9.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	4				106	110
10.	Pejabat Daerah Marang	3			1	38	42
11.	Pejabat Daerah Setiu					33	33
12.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian					1	1
13.	Jabatan Perhutanan					14	14
14.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan					6	6
15.	Jabatan Pertanian Negeri					12	12
16.	Pelbagai Pembangunan	9			2	40	51
17.	Jabatan Bekalan Air	12			2	2	16
Jumlah		77	0	0	24	490	591

Sumber: Rekod Jabatan Negeri

6.3 RUMUSAN

Prestasi perbelanjaan pembangunan adalah baik di mana sehingga akhir tahun 2007 sejumlah RM830.94 juta atau 81.9% telah dibelanjakan berbanding peruntukan yang diluluskan berjumlah RM1,014.06 juta. Kemajuan projek menunjukkan sebanyak 490 projek atau 82.9% berjaya disiapkan daripada 591 projek yang dirancang. Manakala 77 projek dalam pelaksanaan dan 24 projek belum dimulakan.

BAHAGIAN IV
PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN/AGENSI NEGERI

7. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

7.1 Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

7.2 Selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.


7.3 Bagi memenuhi kehendak undang-undang yang tersebut di atas, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Berdasarkan kepada pengauditan tersebut, didapati bahawa masih ada Jabatan/Agensi Negeri yang tidak serius dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan walaupun telah diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara berulang kali. Ini dapat digambarkan daripada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan setiap tahun yang mana ia adalah berkisar kepada isu-isu yang sama.

7.4 Sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Jabatan/Agensi Negeri agar lebih gigih memperbaiki, mempertingkat dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing pada masa akan datang, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk **melaksanakan sistem penarafan berdasarkan indeks akauntabiliti**. Jabatan/Agensi Negeri yang diberi tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai aras/*role model* kepada Jabatan/Agensi Negeri yang lain.

7.5 Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 6 aspek kawalan utama diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agensi Negeri kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut dinilai. Secara umumnya,

sesuatu Jabatan/Agenzi Negeri diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 - 89	Baik	
50 - 69	Memuaskan	
49 ke bawah	Tidak Memuaskan	

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada:

- a) Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.
- b) Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.
- c) Pengurusan kewangan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- d) Rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

9.1 Pengauditan telah dijalankan di Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Pejabat Tanah Setiu, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Majlis Sukan Negeri, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

9.2 Pengauditan telah dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 6 aspek kawalan utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit serta pengurusan aset, inventori dan stor. Bagi Agenzi Negeri kawalan tambahan iaitu terhadap pengurusan pelaburan, pengurusan pinjaman dan pengurusan penyata kewangan turut diaudit.

9.3 Bagi menilai tahap kawalan yang telah diwujudkan bagi setiap aspek kawalan utama yang tersebut di atas, pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2007 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agenzi Negeri.

Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2007 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2006/2007 bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

10. PENEMUAN AUDIT

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 3 Jabatan Negeri dan 3 Agensi Negeri adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 jenis kawalan seperti berikut:

10.1 KAWALAN PENGURUSAN

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesanan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

10.1.1 Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a) Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepetimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- b) Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had-had kuasa dan tugas-tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2) Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, 69 dan 101 adalah berkaitan.
- c) Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan senarai tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d) Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi membangunkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

10.1.2 Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan:

- a) Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.

- b)** Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- c)** Pemeriksaan mengejut (sepertimana yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang daripada sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

10.1.3 Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan panduan pengurusan mesyuarat dan urusan jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

a) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap pusat tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Negeri. Sepertimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan seorang pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

b) Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri untuk membantu Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam dan mengemukakan Rancangan ini yang telah diluluskan oleh Ketua Eksekutif kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam yang telah diluluskan oleh Ketua Eksekutif kepada Perbendaharaan Malaysia selewat-lewatnya pada 31 Mac

tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

c) Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 dan Siri 2 No. 1 Tahun 2000, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kerajaan/Jabatan/Agensi Negeri bagi tujuan mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lainnya, Menteri Besar/Ketua Menteri/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli-ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan; menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

d) Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga dikehendaki memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang cemerlang dan sebaliknya mengambil tindakan tatatertib/surc妖 terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

10.2 KAWALAN BAJET

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/prestasi bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

10.2.1 Penyediaan Bajet

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan dikeluarkan melalui Pekeliling Pejabat Perpendaharaan Negeri Bilangan 4 Tahun 2006 (Penyediaan Cadangan Bajet Negeri Terengganu Tahun 2007) dan Pekeliling Pejabat Perpendaharaan Negeri Bilangan 1 Tahun 2007 (Bajet 2007 – Uruslah Dengan Berkesan). Selain itu, Arahan Perpendaharaan 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara-perkara mengenai justifikasi setiap

anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran yang disediakan; prosedur kelulusan bajet di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan serta pematuhan tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Perbendaharaan Malaysia/Pegawai Kewangan Negeri.

10.2.2 Pengagihan Peruntukan

Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

10.2.3 Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat dalam tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Perbendaharaan/Bendahari Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Oktober bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlulah sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemas kinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10.2.4 Pemantauan Kemajuan/Prestasi Bajet

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II/kaedah lain yang diterima pakai; impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

10.2.5 Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki mengemukakan laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dengan lengkap, ,termasuk lampiran kepada Pekeliling perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004 dan bukan sekadar minit mesyuarat sahaja kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri. Dengan cara ini tanggungan Jabatan dapat diketahui oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri dan mudah untuk pentadbiran kewangan mengurus keperluan aliran tunai. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

10.3 KAWALAN TERIMAAN

Pengauditan terhadap kawalan terimaan adalah bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

10.3.1 Kawalan Borang Hasil

Kawalan terhadap borang-borang hasil seperti buku resit adalah penting untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

10.3.2 Penerimaan Wang

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam oleh Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima wang, ciri-ciri keselamatan semasa menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui tel dan penerimaan wang di kaunter.

10.3.3 Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank; kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya; semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

10.3.4 Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri; ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

10.3.5 Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggarakan dan melaporkan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1986 dan beberapa Arahan Perbendaharaan. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Penyata Tunggakan Hasil atau Penyata Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Penyata Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

10.4 KAWALAN PERBELANJAAN

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

10.4.1 Perakaunan

Semakan Audit telah dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Kementerian/Jabatan mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

10.4.2 Pengurusan Perolehan

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan sejauh mana pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit telah dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

10.4.3 Pengurusan Bayaran

Semakan Audit telah dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran; kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas; penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil; bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

10.5 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH/AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan seperti berikut:

10.5.1 Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyesuaian akaun/transaksi akaun.

10.5.2 Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut:

- a) Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 dan 8 Tahun 1993.
- b) Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.
- c) Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1993.
- d) Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990.

10.5.3 Pengurusan Akaun Deposit

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163.

10.6 PENGURUSAN ASET, INVENTORI DAN STOR

Aset dan inventori yang diperoleh untuk kegunaan Jabatan/Agensi Negeri perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaannya. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berhubung dengan perkara-perkara berikut:

10.6.1 Kawalan Umum

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut juga diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal juga hendaklah melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

10.6.2 Penerimaan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diperoleh. Tanggungjawab Pegawai Penerima antaranya adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah

ditetapkan sebelum pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, sesalinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan dalam Kad Kawalan Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta surat jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

10.6.3 Pendaftaran

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan dan nombor siri pendaftaran

10.6.4 Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan-peraturan seperti berikut yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a)** Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b)** Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya satu kali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- c)** Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan kegunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- d)** Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e)** Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod

Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

- f) Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

10.6.5 Penyenggaraan Aset

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a) Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang; penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap; program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- b) Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual manakala kos penyenggaraan dan pembaiakan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

10.6.6 Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a) Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b) Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset itu disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c) Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

10.6.7 Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a) Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan/Agenzi dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam daripada waktu kehilangan. Ketua Jabatan/Agenzi menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b) Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Laporan Awal dihantar.

10.7 PENGURUSAN PELABURAN

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi satu tempoh untuk memperoleh kadar pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu di selenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

10.8 PENGURUSAN PINJAMAN

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan dan mekanisme kawalan serta pemantauan pinjaman.


10.9 PENYATA KEWANGAN

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007 menghendaki Agenzi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat daripada 30 April setiap tahun. Ini bagi membolehkan penyata kewangan dan laporan tahunan Agensi Negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada tahun yang sama dan tidak lewat daripada 31 Disember setiap tahun. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di semua Agenzi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai prestasi Agenzi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

11. TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati prestasi pengurusan kewangan di Jabatan Pertanian, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu dan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu adalah pada tahap baik. Manakala bagi Jabatan Perhutanan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Pejabat Tanah Setiu, Majlis Sukan Negeri dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu adalah pada tahap memuaskan. Tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri adalah seperti di **Carta 4**.

Carta 4
Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri
Bagi Tahun 2007



12. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan di 3 daripada 8 Jabatan/Agensi Negeri yang diaudit adalah baik. Manakala tahap pengurusan kewangan di 5 Jabatan/Agensi lagi adalah pada tahap memuaskan. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan terhadap kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, pertimbangan perlu diberi kepada perkara-perkara berikut:

- Di peringkat Jabatan/Agensi Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) antara lainnya telah dipertanggungjawabkan untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit. Bagaimanapun, didapati JPKA tidak berupaya untuk membincangkan isu-isu tersebut secara mendalam kerana Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2004 telah menetapkan pelbagai perkara yang

perlu dibincangkan oleh jawatankuasa ini. Bagi membolehkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit dapat dibincangkan dengan lebih fokus. JPKA hendaklah memberi keutamaan dan penekanan yang lebih kepada isu dan teguran dalam Laporan Audit berkenaan.

- b)** Pegawai Pengawal hendaklah memastikan jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan dan mematuhi Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991.
- c)** Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Pengawal patut mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di PTJ berkenaan. Sehubungan itu, adalah disyorkan supaya Unit Audit Dalam bekerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan bagi tujuan memberi penarafan kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri yang berkenaan.
- d)** Pegawai Pengawal perlu memastikan UAD berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Unit Audit Dalam mempunyai kakitangan yang mencukupi dari segi bilangan, gred dan kepakaran. UAD hendaklah diberi kebebasan untuk melaksanakan pengauditan dan melaporkan penemuannya. Setiap proses kerja pengauditan mesti mempunyai mekanisme yang boleh menjamin kualiti dan integritinya.
- e)** Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.
- f)** Tindakan surcaj dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran tidak teratur. Surcaj juga patut diambil terhadap Ketua Jabatan/Bahagian yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai bawahan yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka.

BAHAGIAN V
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI
KERAJAAN/AGENSI NEGERI

TERENGGANU AGROTECH DEVELOPMENT CORP. SDN. BHD.

13. PENDAHULUAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Negeri atau Agensi Negeri. Pengauditan terhadap syarikat berkenaan adalah selaras dengan Warta Kerajaan Seri Paduka Baginda Jilid 48 No.3 yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004. Sehubungan itu, Ketua Audit Negara telah diberi kuasa untuk mengaudit sebuah syarikat milikan penuh Kerajaan Negeri Terengganu dan 27 buah syarikat yang dimiliki oleh 4 Agensi Negeri. Pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memilih untuk mengaudit Terengganu Agrotech Development Corp. Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang dimiliki oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.

14. LATAR BELAKANG

14.1 LATAR BELAKANG AGENSI KERAJAAN

14.1.1 Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (Perbadanan) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Negeri Terengganu Bilangan 3 Tahun 1965. Objektif utama Perbadanan adalah untuk menjadi agensi utama Kerajaan Negeri dalam melaksana dan mempercepatkan pembangunan dan kemajuan sosioekonomi di Negeri Terengganu. Perbadanan pada dasarnya terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi antaranya pembangunan hutan tanah, perladangan, perlombongan dan pegangan pelaburan serta menyediakan perkhidmatan pengurusan kepada syarikat subsidiari.

14.1.2 Seksyen 18, Enakmen penubuhan memberi kuasa kepada Perbadanan untuk menubuhkan syarikat yang memberi faedah secara langsung atau tidak langsung. Pada masa kini, Perbadanan mempunyai 3 buah syarikat subsidiari milikan langsung yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Syarikat subsidiari berkenaan adalah seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
**Syarikat Subsidiari Milik Perbadanan Memajukan Iktisad
 Negeri Terengganu Sehingga Tahun 2007**

Bil.	Nama Subsidiari	Pegangan Ekuiti (%)	Aktiviti Utama	Tahun Ditubuhkan
1.	Pertima Terengganu Sdn. Bhd.	100	Pemprosesan Makanan	28.3.1972
2.	Terengganu Agrotech Development Corp. Sdn. Bhd.	100	Pertanian, Akuakultur & Ternakan	31.5.1972
3.	Cas Ligas Sdn. Bhd.	100	Pengangkutan	22.8.2007

Sumber : Rekod Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu

14.2 LATAR BELAKANG SYARIKAT SUBSIDIARI

14.2.1 Terengganu Agrotech Development Corp. Sdn. Bhd. (Syarikat) adalah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan. Syarikat ditubuhkan sebagai syarikat sendirian berhad di Malaysia pada 31 Mei 1972 dan pada asalnya dikenali sebagai Terengganu Garam Sdn. Bhd.. Kegiatan utama Syarikat adalah menjalankan perniagaan dalam aktiviti pengeluaran garam dan telah menamatkan operasinya sejak September 1976. Syarikat telah ditukar nama kepada Terengganu Agrotech Development Corp. Sdn. Bhd. pada bulan Februari 2006. Kegiatan utama Syarikat adalah menguruskan kontrak-kontrak pembinaan berdasarkan pertanian, pemasaran barang pertanian dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengannya.

14.2.2 Syarikat beroperasi di Tingkat 9, Menara Permint, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu dengan modal saham biasa dibenarkan RM1 juta dan modal diterbitkan dan berbayar berjumlah RM0.50 juta.

14.2.3 Visi Syarikat adalah untuk menjadi sebuah syarikat *trading house* berdasarkan pertanian yang berjaya berteraskan nilai budaya tempatan dengan keupayaan bertaraf dunia. Manakala misi Syarikat ialah untuk menjadikan bidang pertanian suatu perniagaan, membantu menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan taraf kehidupan golongan sasar iaitu petani, penternak dan nelayan dengan menitikberatkan pengagihan keuntungan secara saksama. Bagi melaksanakan visi ini, Syarikat mengadaptasikan konsep *value chain network*. Dalam bidang pertanian, tumpuan Syarikat adalah sebagai penjana ekonomi negeri dengan penubuhan *distribution center* yang melibatkan penggunaan bilik sejuk, proses penggredan dan pembungkusan, serta hasil pertanian dapat dikumpulkan pada satu tempat. Aspek pasaran dalam bidang pertanian pula adalah untuk meningkat penjenamaan produk (*branding*), mempergiatkan lagi promosi dan mewujudkan pusat jualan serta menyertai misi perdagangan.

14.2.4 Bagi bidang perikanan pula, Syarikat merancang mewujudkan pusat pembiakan benih ikan dan menjadi pengeluar utama benih-benih ikan bermutu tinggi bagi pasaran dalam dan luar negara. Program *nursery* dilaksanakan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan membantu peserta program memperoleh pendapatan tambahan. Selain itu, ilmu akuakultur yang diperoleh dapat menjadikan peserta sebagai seorang penternak yang

mampu berdaya saing. Kewujudan pusat *grow-out* yang terdiri daripada sistem terbuka atau tertutup merupakan rantaian utama dalam pertumbuhan industri akuakultur negeri dengan menjadi pengeluar utama bagi pasaran dalam dan luar negara.

14.2.5 Secara keseluruhannya, anggaran pembiayaan di dalam bidang akuakultur dan pertanian oleh Syarikat bagi tahun 2008 adalah sejumlah RM110 juta. Program ini bakal memberi faedah kepada seramai 1,860 orang peserta secara langsung dan 3,260 orang peserta secara tidak langsung. Melalui pendekatan ini, ia dapat membantu golongan sasar iaitu peserta daripada Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) mampu menyumbang kepada peningkatan taraf hidup golongan sasar serta mengeluarkan peserta program daripada taraf kemiskinan. Selain itu, ia juga dapat menjadikan peserta dan usahawan memperoleh ilmu pertanian dan perikanan yang berguna serta mampu berdaya saing dan menggalakkan penyertaan golongan muda di dalam industri ini.

15. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan Terengganu Agrotech Development Corp. Sdn. Bhd. telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta selaras dengan matlamat yang telah ditetapkan.

16. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Syarikat bagi tempoh tahun 2006 hingga Mei 2008. Pemeriksaan Audit telah dijalankan di peringkat Ibu Pejabat dan tapak projek di Besut dan Setiu.

17. KAEADAH PENGAUDITAN

Pemeriksaan Audit dilakukan terhadap dokumen, fail dan rekod yang berkaitan aktiviti Syarikat di peringkat Perbadanan dan Syarikat. Di samping itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai bertanggungjawab dan pemeriksaan fizikal terhadap aset juga turut dilakukan.

18. PENEMUAN AUDIT

Semakan Audit meliputi 6 perkara iaitu tadbir urus korporat, perancangan strategik, pengurusan sumber manusia, pengurusan operasi, pengurusan risiko dan analisis kewangan.

18.1 TADBIR URUS KORPORAT

Semakan Audit terhadap pengurusan tadbir urus korporat Syarikat mendapati:

18.1.1 Struktur Organisasi

Syarikat diketuai oleh seorang Pengarah Eksekutif yang bertanggungjawab melaporkan hal ehwal pengurusan Syarikat kepada Lembaga Pengarah. Beliau dibantu oleh seramai 33 orang kakitangan. Struktur organisasi Syarikat terbahagi kepada 7 Bahagian seperti berikut:

a) Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan

Bahagian ini diketuai oleh Pengurus Pentadbiran, Kewangan & Projek (Akuakultur) dan dibantu oleh 6 orang kakitangan lain yang terdiri daripada seorang Penolong Pengurus Pentadbiran Dan Kewangan, seorang Eksekutif Perakaunan, 3 orang Penolong Eksekutif Akaun dan seorang Pembantu Pejabat. Bahagian ini bertanggungjawab terhadap pengurusan perakaunan kos dan peserta program, pengurusan sumber manusia dan pentadbiran pejabat serta pengurusan sistem E-Aqua, E-Tani dan E-Ternak.

b) Bahagian Strategik Perniagaan

Bahagian ini diketuai oleh Pengarah Eksekutif dan dibantu oleh 6 orang kakitangan yang juga berkhidmat di Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan. Bahagian ini bertanggungjawab kepada pemantauan perjalanan syarikat anak dari segi kewangan, audit dalam dan bajet.

c) Bahagian Pemasaran

Bahagian ini diketuai oleh Pengurus Pemasaran dan dibantu oleh 5 kakitangan lain yang terdiri daripada seorang Pegawai Pemasaran, empat orang Penolong Pegawai Pemasaran. Bahagian ini bertanggungjawab ke atas semua hal berkaitan Pusat Pengumpulan Pertanian, logistik dan *consumer*.

d) Bahagian Pertanian

Bahagian Pertanian diketuai oleh Pengurus Pertanian dan dibantu oleh 5 orang kakitangan yang terdiri daripada 4 orang Eksekutif Pertanian dan seorang Penolong Pegawai Pemasaran.

e) Bahagian Ternakan

Bahagian ini diketuai oleh Pengurus Pemasaran dan bertanggungjawab kepada hal ehwal mengenai ternakan. Memandangkan projek berkaitan dengan ternakan masih belum beroperasi, Bahagian ini tidak mempunyai kakitangan lagi.

f) Bahagian Akuakultur


Bahagian ini diketuai oleh Pengurus Kewangan, Pentadbiran Dan Akuakultur dan dibantu 4 kakitangan yang terdiri daripada 2 orang Pegawai Operasi Akuakultur, seorang Penolong Pegawai Perikanan dan seorang Penolong Pegawai Akuakultur.

g) Bahagian Pembangunan Projek Dan Teknikal

Bahagian ini diketuai oleh Pengurus Teknikal dan dibantu 4 orang kakitangan masing-masing terdiri daripada seorang Eksekutif Operasi, Pegawai Operasi, Penolong Pegawai Teknikal dan Penolong Pegawai Operasi. Bahagian ini bertanggungjawab ke atas tindakan pelaksanaan projek dan pengurusan kontrak. Kedudukan struktur organisasi Syarikat adalah seperti di **Carta 5**.

Carta 5

Struktur Organisasi Terengganu Agriculture Development Corp. Sdn. Bhd



Sumber : Rekod Syarikat

18.1.2 Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merupakan badan eksekutif tertinggi yang diberi kuasa untuk menjalankan semua kuasa seperti mana yang diperuntukkan oleh Memorandum Dan Artikel (M&A) penubuhan Syarikat. Lembaga Pengarah diberi kuasa di bawah Artikel 68, M&A untuk mengurus Syarikat dari segi pentadbiran, kewangan, operasi, pemasaran dan undang-undang Syarikat. Di samping itu, Lembaga Pengarah bertanggungjawab kepada Perbadanan sebagai syarikat induk dari segi pelaporan aktiviti Syarikat dan melaksanakan arahan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pengurusan atasan Perbadanan.

Bagi memastikan Lembaga Pengarah yang dilantik dapat berfungsi dengan berkesan dan mampu mengetuai serta mengawal perjalanan Syarikat, Syarikat perlu menetapkan dengan jelas keahlian Lembaga Pengarah dari segi bilangan, komposisi dan kriteria pelantikan serta tanggungjawab mereka. Selain itu, Syarikat perlu juga menentukan bagaimana Lembaga ini berfungsi dengan berkesan seperti melantik Setiausaha Syarikat, menyediakan penyampaian maklumat yang cukup dan latihan yang mencukupi untuk membantu Lembaga Pengarah.

Mengikut Para 4.7 kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993, bagi meningkatkan kualiti perancangan dan kawalan ke atas pengurusan Syarikat, Lembaga Pengarah perlu:

- a) Menentukan dengan jelas perkara yang perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk mendapatkan kelulusan berbanding perkara yang hanya perlu dibentangkan untuk makluman sahaja. Perkara tersebut merangkumi urusan pelaburan, penjualan aset tetap dan aset lain, urusan pinjaman, kedudukan projek syarikat yang mempunyai nilai *substantial*, pelantikan Ketua Eksekutif/Pengurus, skim kenaikan gaji dalam kumpulan pengurusan dan pekerja serta bayaran bonus kepada kakitangan Syarikat.
- b) Membuat penilaian yang mendalam terhadap analisis mengenai laporan prestasi kewangan sekurang-kurangnya 4 kali setahun.
- c) Menentukan dasar dan operasi Syarikat yang munasabah selaras dengan penubuhannya.

Semakan Audit terhadap Lembaga Pengarah Syarikat mendapati perkara berikut:

a) Keanggotaan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah Syarikat mempunyai seramai 6 orang ahli yang terdiri daripada masing-masing seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pengarah Urusan Syarikat dan 2 orang pegawai Perbadanan seperti di **Jadual 36**.

Jadual 36
Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Terengganu Agrotech
Development Corp. Sdn. Bhd.

Bil.	Senarai Nama Ahli Lembaga Pengarah
1.	Y.B. Datuk Haji Mohd Jidin bin Shafee (Ahli Parlimen Setiu)
2.	Y.B. Dato' Haji Mazlan bin Ngah (Pegawai Kewangan Negeri)
3.	Y.Bhg. Dato' Haji Zakaria bin Awang (Pengurus Besar PMINT)
4.	Haji Abdul Aziz bin Che Taib (Pengurus Kanan Korporat, PMINT)
5.	Encik Adnan bin Ghazali (Pengarah Urusan TADC)
6.	Y.Bhg. Dato' Adzlan Bin Mohd Dagang (Pengarah UPEN)

Sumber : Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat

Pemeriksaan terhadap Buku Daftar Berkanun Syarikat mendapati semua Ahli Lembaga tidak mempunyai saham dalam Syarikat. Bagaimanapun terdapat satu unit saham yang dipindahkan daripada Dato' Mohd Zaki bin Yusof kepada Perbadanan pada tahun 2000 masih belum didaftar dan dikeluarkan sijil saham kepada Perbadanan.

b) Mesyuarat Lembaga Pengarah

Syarikat tidak menetapkan jumlah kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah yang perlu diadakan pada setiap tahun. Mesyuarat diadakan mengikut keperluan dan kepentingan perkara-perkara untuk dibincangkan. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan elaun mesyuarat kepada Pengerusi sebanyak RM300 dan Ahli Lembaga Pengarah lain sebanyak RM250 seorang. Syarikat telah mengadakan 5 kali mesyuarat pada tahun 2006 dan sebanyak 4 kali pada tahun 2007. Pada tahun 2008, Lembaga Pengarah masih belum bersidang sehingga April 2008. Antara perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah meliputi perkara yang berkenaan dengan laporan prestasi dan operasi projek, laporan kewangan, cadangan usaha sama dengan pihak swasta dan bajet.

c) Saraan Lembaga Pengarah

Syarikat tidak meluluskan sebarang saraan Lembaga Pengarah pada tahun 2006 dan 2007. Bagaimanapun pada tahun 2007, mesyuarat telah meluluskan bayaran *Reimbursable* sebanyak RM5,000 seorang kepada Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga telah diluluskan pemberian sagu hati hari raya kepada Pengerusi berjumlah RM5,000 dan Ahli Lembaga Pengarah berjumlah RM3,000 seorang.

18.1.3 Pengarah Eksekutif

Seorang pengurus syarikat memainkan peranan penting bagi pengendalian sesebuah syarikat. Tugas pengurus bukan sahaja menentukan operasi Syarikat berjalan dengan baik malah menentukan objektif syarikat tercapai. Syarikat akan melantik seorang pengurus yang akan melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi mentadbir dan mengurus. Semakan Audit mendapati terma dan syarat bagi jawatan Pengarah Eksekutif serta peranannya tidak dinyatakan secara bertulis oleh Perbadanan. Pelantikan

Pengarah Eksekutif tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah bagi melaksanakan tugas-tugas pengurusan Syarikat. Adalah didapati Pengarah Eksekutif yang dilantik merupakan Timbalan Pengurus Besar (Projek Khas) Perbadanan iaitu Ir. Adnan bin Ghazali. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif mulai bulan Jun 2006 pada Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat yang pertama tahun 2006. Beliau diberi kemudahan bayaran elaun bulanan sejumlah RM2,000 sebulan mulai bulan Januari 2007 di samping bayaran gaji tetap dan elaun oleh pihak Perbadanan.

18.1.4 Setiausaha Syarikat

Selain Pengarah Urusan, pelantikan Setiausaha Syarikat adalah penting untuk mengurus rekod pengurusan dan mesyuarat yang dijalankan oleh Syarikat. Semakan Audit mendapati Syarikat telah melantik Encik Azmal bin Azaddin yang berjawatan sebagai Penolong Pengurus (Perhubungan Awam) Perbadanan. Beliau mempunyai kelayakan Sarjana Muda Undang-undang daripada Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Diploma Pentadbiran Awam daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM). Beliau juga mempunyai lesen daripada Pendaftar Syarikat sebagai Setiausaha Syarikat. Beliau dilantik menjadi Setiausaha Syarikat pada bulan September 2004 semenjak Syarikat masih dikenali sebagai Terengganu Garam Sdn. Bhd.. Beliau telah diluluskan elaun mesyuarat Lembaga Pengarah berjumlah RM250 sebulan Pada tahun 2007, Setiausaha telah diluluskan bayaran *Reimburseable* dan pemberian sagu hati Hari Raya masing-masing berjumlah RM2,000. Sebagai Setiausaha, beliau melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a) Mengeluarkan notis dan mengambil minit Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agung Tahunan.
- b) Mengambil tindakan yang perlu berkaitan ketetapan yang dibuat dalam mesyuarat tersebut.
- c) Mengemas kini buku minit/daftar dan fail Syarikat.
- d) Menyimpan maklumat Syarikat untuk kegunaan dalaman dan pihak berkaitan.
- e) Mengendalikan urusan berhubung dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

18.1.5 Garis Panduan/Prosedur

Garis panduan atau prosedur kerja yang lengkap dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Ini dapat memudahkan dan menyegerakan pihak pengurusan dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan. Garis panduan yang berkesan mampu mempertingkatkan lagi produktiviti sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai garis panduan atau prosedur kerja yang lengkap mengenai sistem kewangan dan perakaunan.

18.1.6 Audit Dalaman

Audit Dalaman berfungsi membantu pengurusan syarikat dan Jawatankuasa Audit yang mewakili Lembaga Pengarah agar dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih efektif. Audit Dalaman diberi kuasa penuh untuk menilai semua aktiviti dan juga

bebas untuk melaporkan kepada Jawatankuasa Audit Syarikat. Bahagian Audit Dalaman ditubuhkan untuk memberi jaminan yang bebas kepada Jawatankuasa Audit Dalam tentang kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalam syarikat. Mengikut Para 3 kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004, fungsi audit dalam hendaklah dijalankan oleh Unit Audit Dalaman yang ditubuhkan di Kementerian berkenaan bagi Jabatan yang tidak mempunyai Unit Audit Dalam. Selaras dengan Pekeliling ini di mana Syarikat tidak menubuhkan Unit Audit Dalaman, fungsi Audit Dalaman Syarikat hendaklah dijalankan oleh Unit Audit Dalaman Perbadanan. Pemeriksaan Audit mendapati Unit Audit Dalaman Perbadanan telah menyediakan rancangan audit tahunan terhadap pengurusan Syarikat dan audit akan dijalankan pada bulan Mei 2008. Pengauditan yang dijalankan oleh Unit Audit Dalaman Perbadanan bertujuan untuk menilai sistem kawalan dalam dan *viability* Syarikat di dalam industri pertanian.

18.1.7 Jawatankuasa Audit

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menghendaki Jawatankuasa Audit ditubuhkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham dapat dipelihara sepenuhnya. Keanggotaan Jawatankuasa perlu mempunyai ahli maksimum seramai 5 orang dan minimum keahlian seramai 3 orang. Jawatankuasa ini berperanan memastikan Audit Dalaman Syarikat berfungsi dengan efektif sebagai penilai bebas operasi dan kawalan sistem syarikat.

Pemeriksaan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai Jawatankuasa Audit. Syarikat perlulah menubuhkan Jawatankuasa ini bagi mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993. Antara tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit adalah untuk melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara seperti berikut:

- a) Meluluskan rancangan audit dan skop pengauditan yang akan dilaksanakan oleh Audit Dalaman.
- b) Mengkaji kecukupan dari segi polisi, prosedur dan garis panduan, kawalan pengauditan dan keberkesanan operasi.
- c) Memastikan kecukupan kuasa diberi kepada Audit Dalaman semasa menjalankan tugas.
- d) Mengkaji struktur Audit Dalaman untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menjalankan fungsi audit dalam syarikat.
- e) Mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalam syarikat, laporan penilaian juruaudit dalam dan luar, surat pengurusan juruaudit luar dan maklum balas pengurusan dalam memastikan perkara berbangkit diberi perhatian dan diambil tindakan oleh pengurusan syarikat.
- f) Membuat penilaian dan meluluskan pendekatan audit seperti daripada audit pematuhan kepada *risk based audit*.
- g) Meluluskan bayaran audit tahunan dan melantik semula juruaudit luar.

18.2 PERANCANGAN STRATEGIK

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menghendaki syarikat Kerajaan/Agenzi menyediakan atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat masing-masing sebagai wawasan syarikat untuk mencapai matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Rancangan tersebut hendaklah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat. Tujuan utamanya adalah untuk meningkatkan kualiti perancangan dan kawalan ke atas pengurusan syarikat. Antara rancangan korporat yang perlu diadakan adalah seperti berikut:

18.2.1 Bajet

Syarikat telah menyediakan bajet bagi tahun 2007 dan 2008 dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah. Mengikut bajet tahun 2008, Syarikat telah memperuntukkan RM60 juta bagi perbelanjaan pembangunan dan mengurus masing-masing berjumlah RM58 juta dan RM2 juta. Semakan Audit ke atas perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM2 juta mendapati ia adalah secara *lump sum* untuk belanja mengurus dan latihan. Adalah disarankan supaya bajet ini dapat dipecahkan mengikut pecahan kepala/jenis perbelanjaan supaya dapat dibuat bandingan/analisis antara bajet dan perbelanjaan sebenar. Perkara ini adalah penting sebagai panduan semasa melaksanakan operasi dan aktiviti hariannya. Sebarang perbezaan daripada bajet perlu dilaporkan dan penyesuaian perlu diambil atas perbezaan tersebut.

18.2.2 Strategi Pengeluaran

Pengurus dan pegawai Bahagian Pengeluaran bertanggungjawab memastikan strategi pengeluaran produk dipatuhi bagi melicinkan proses pengeluaran. Antara kaedah yang dirancang ialah:

- a) Mengambil kira aspek-aspek teknologi, kesesuaian, pengembangan di masa depan dan penebusan pasaran sebagai asas untuk penglibatan secara terus.
- b) Memastikan pengeluaran produk diselaraskan terlebih dahulu dengan permintaan pasaran supaya tidak berlaku pembaziran dan kebanjiran di dalam pasaran.
- c) Mengguna pakai benih, baja dan input berkaitan yang berkualiti dan melaksanakan sistem amalan pengeluaran yang baik.
- d) Mempunyai pengawalan terus secara terancang sebanyak 70% daripada kualiti bekalan yang dijanjikan dengan pihak pembeli.

18.2.3 Strategi Pemasaran

Bagi memasarkan produk secara komersial beberapa strategi pemasaran telah dirancang, antaranya:

- a) Menjalin kerjasama strategik dengan pihak-pihak yang berperanan utama yang dapat membantu syarikat dalam pencapaian matlamat dalam masa yang lebih singkat.
- b) Memberi fokus kepada produk yang mempunyai *comparative advantage* dengan kekuatan berpaksikan pengaruh persekitaran semula jadi tempatan.

- c) Menjalin dan membentuk rangkaian pemasaran yang bersepada dengan kesediaan merentasi sempadan.
- d) Mengadakan pangkalan data untuk pengumpulan maklumat terutamanya dalam aspek pemasaran.

18.2.4 Strategi Urus Niaga

Bagi memastikan pengeluaran dapat dipasarkan dengan lancar, beberapa strategi urus niaga telah dirancang seperti berikut:

- a) Mempraktikkan keseimbangan obligasi terhadap *sustainability* syarikat dan sumbangan sosial untuk kesejahteraan ummah.
- b) Memberi penekanan kepada pendekatan *outsourcing* bagi mendapat perkhidmatan berkualiti dengan kos tetap yang terkawal.
- c) Mempunyai struktur organisasi yang pragmatik dengan pengamalan nilai teras yang konsisten.
- d) Menjadikan pencapaian berdasarkan kewangan sebagai satu instrumen bagi penilaian kuantitatif.
- e) Mempunyai kawalan penentuan dengan cara memiliki atau perkongsian bijak dalam urusan *value chain network* bagi menjamin keberkesaan bekalan yang berkualiti dan konsisten kepada pasaran.

18.2.5 Strategi Urus Modal Insan

Bagi memastikan pemasaran, pengeluaran dan urus niaga dapat berjalan seperti dirancang, modal insan adalah penting bagi menjayakan segala strategi tersebut. Strategi yang dirancang adalah:

- a) Memberi penekanan dalam memupuk modal insan yang berilmu, bertanggungjawab dan memiliki akhlak yang tinggi menerusi pendekatan *Training, Enrichment, Rewards And Shoot (TERs)* dan Beri, Cipta Dan Laksana (BCL).
- b) Membuat pemantauan terhadap profil peserta bagi menilai pencapaian kejayaan dan perubahan minda.
- c) Membuat penilaian terhadap tahap dan keberkesaan program berdasarkan nilai pencapaian pendapatan dan keusahawanan.

Pada pendapat Audit, Syarikat telah menyediakan perancangan strategik yang memuaskan bagi memastikan projek-projek yang diuruskan seperti pertanian dan perikanan untuk mencapai kejayaan.

18.3 PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Keperluan tenaga kerja yang mencukupi dan perancangan latihan yang teratur perlu diwujudkan bagi memantapkan serta meningkatkan kecekapan terhadap guna tenaga di setiap Bahagian/Unit. Perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan bagi memenuhi keperluan guna tenaga adalah seperti berikut:

18.3.1 Perjawatan

Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai senarai perjawatan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pengambilan kakitangan adalah berdasarkan keperluan semasa. Pada tahun 2007, Syarikat mempunyai seramai 34 orang kakitangan. Pengarah Eksekutif Syarikat adalah Timbalan Pengurus Besar Perbadanan dan hanya dibayar elaun oleh Syarikat manakala gaji beliau dibayar oleh Perbadanan. Dua kakitangan Perbadanan telah dipinjamkan kepada Syarikat di mana gaji dan elaun dibayar oleh Syarikat manakala 31 orang kakitangan telah dilantik secara kontrak. Tempoh kontrak adalah setahun dan akan disambung bergantung kepada prestasi kerja. Bilangan perjawatan mengikut lembaran gaji bulan Mac 2008 adalah seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37
Bilangan Perjawatan Mengikut Lembaran Gaji

Bil.	Nama Jawatan	Jumlah Kakitangan	Taraf Perjawatan	
			Kontrak	Pinjaman
1.	Pengarah Eksekutif	1	-	1
2.	Pengurus dan Pengurus Kanan	3	1	2
3.	Pegawai	5	5	-
4.	Eksekutif	6	6	-
5.	Penolong Eksekutif	13	13	-
6.	Pembantu Am	1	1	-
7.	Pemandu (Unit Logistik)	5	5	-
Jumlah		34	31	3

Sumber : Rekod Syarikat

18.3.2 Pengambilan Kakitangan

Pengurusan Syarikat akan menentukan keperluan dan kemampuan Syarikat sebelum membuat pengambilan kakitangan baru. Keperluan Syarikat dalam membuat pengambilan kakitangan akan ditentukan berdasarkan kelayakan, pengalaman, kebolehan, sikap dan kriteria lain mengikut bentuk serta keperluan jawatan. Selain itu, Syarikat akan membuat pengambilan kakitangan mengikut proses tertentu bagi memastikan calon yang layak untuk diberi tempat dalam organisasi Syarikat.

Semakan Audit mendapati pengambilan kakitangan telah dibuat mengikut keperluan dan kemampuan Syarikat. Pegawai untuk jawatan Pengarah Eksekutif, Pengurus Pentadbiran, Kewangan Dan Projek Akuakultur serta Pengurus Pertanian adalah dipinjam daripada Perbadanan. Selain daripada 3 jawatan di atas, pengambilan kakitangan adalah melibatkan proses seperti berikut:

- Kekosongan jawatan akan dimaklumkan di Jabatan Tenaga Kerja Negeri Terengganu.
- Individu yang layak bagi mengisi kekosongan perlu memiliki kelayakan yang bersesuaian bagi sesuatu jawatan.
- Urusan temu duga dan pemilihan.
- Surat tawaran pekerjaan berserta terma dan syarat perkhidmatan akan diberikan kepada calon yang berjaya dan seterusnya akan melaporkan diri ke Syarikat pada tarikh yang ditetapkan.

Lantikan kakitangan Syarikat bagi tempoh 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 38**.

Jadual 38
Lantikan Kakitangan Syarikat
Bagi Tempoh 2006 hingga 2008

Bil.	Tahun Lantikan	Jumlah Lantikan
1.	2006	5
2.	2007	21
3.	2008	8
	Jumlah	34

Sumber : Rekod Syarikat

18.3.3 Gaji

Syarikat tidak mempunyai skim khas bagi menentukan kadar gaji terhadap pegawai dan kakitangannya. Bagaimanapun penetapan gaji telah dibuat sebagaimana Mesyuarat Lembaga pada 19 April 2007 dan surat bil. TADC/1000/003-08(13) bertarikh 3 Mac 2008 seperti di **Jadual 39**.

Jadual 39
Skim Gaji Terengganu Agrotech Development Corp Sdn. Bhd

Bil.	Jawatan	Skim Gaji Pokok Lama (RM)	Skim Gaji Pokok Baru (RM)
1.	Eksekutif/Pegawai	1,200	1,600
2.	Penolong Pegawai/ Eksekutif	800	1,200
3.	Pembantu Am	-	700
4.	Pemandu	-	550

Sumber : Rekod Syarikat

Mesyuarat juga telah meluluskan kenaikan Elaun Sara Hidup (COLA) bagi kakitangan Syarikat daripada RM100 kepada RM200 sebulan berkuat kuasa mulai Januari 2008. Di samping itu elaun bil telefon juga telah diluluskan kepada 3 orang pegawai mulai Mac 2008 seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40
Pemberian Elaun Bil Telefon Kakitangan

Bil.	Nama	Jawatan	Jumlah (RM)
1.	En. Adzemi b. Che Hamzah	Pegawai Pemasaran	100
2.	En. Mohd Ashraf b. Ngah	Eksekutif Pertanian	50
3.	En. Mukhlis b. Ahmad	Penolong Pegawai Pemasaran	50

Sumber : Rekod Syarikat

18.3.4 Imbuhan Kakitangan

Imbuhan berbentuk bonus/sagu hati diberi kepada kakitangan sebagai insentif bagi meningkatkan motivasi mereka dan sebagai menghargai sumbangan kakitangan selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2007 Syarikat telah memberi sagu hati sempena hari raya kepada kakitangan pada kadar 25% hingga 1 bulan gaji berdasarkan tempoh perkhidmatan. Pemberian ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah.

18.3.5 Faedah Persaraan Pengarah Urusan

Ganjaran berbentuk wang tunai pada akhir perkhidmatan merupakan amalan biasa bagi syarikat korporat sebagai faedah persaraan kepada Pengarah Urusan Syarikat yang bersara atau disara. Merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan bertarikh 19 September 1988 mengenai Faedah Persaraan Kepada Ketua Eksekutif menjelaskan bahawa pembayaran faedah persaraan tidak seharusnya menjadi beban kewangan kepada Syarikat. Pihak Audit dimaklumkan, Syarikat tidak mempunyai polisi atau dasar mengenai faedah persaraan Pengarah Urusan dan faedah tersebut tidak pernah dibayar.

18.3.6 Latihan Kepada Kakitangan

Latihan merupakan aktiviti pembelajaran bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan. Perancangan dalam menyediakan latihan, kursus dan seminar hendaklah disediakan dengan mengenal pasti bidang pengkhususan mengikut perkhidmatan masing-masing bagi membolehkan semua pekerja mendapat pendedahan yang sewajarnya. Latihan kakitangan penting bagi memajukan kerjaya pekerja, meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta produktiviti dan kualiti kerja. Semakan Audit mendapati Syarikat tidak mempunyai rancangan untuk mengadakan taklimat atau kursus kepada kakitangan pada tahun 2007 memandangkan ianya mula beroperasi semula pada bulan September 2006. Bagaimanapun mengikut bajet tahun 2008 yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 19 April 2007, peruntukan untuk belanja mengurus dan latihan adalah sebanyak RM2 juta.

18.4 PENGURUSAN OPERASI

Pengauditan terhadap pengurusan operasi yang merangkumi pengurusan kewangan, pengurusan syarikat subsidiari dan pengurusan operasi mendapati:

18.4.1 Pengurusan Kewangan

Kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan meliputi aspek kawalan terhadap perolehan dari peringkat permohonan hingga bayaran, urusan pelaburan, urusan kutipan hasil, tatacara perakaunan dan merekodkan dokumen kewangan serta pemantauan terhadap tugas-tugas kewangan yang dilaksanakan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a) Manual Perakaunan

Syarikat tidak mempunyai manual perakaunan yang khusus dalam menjalankan aktiviti harian. Syarikat menggunakan peraturan dan standard perakaunan yang diterima pakai secara umumnya di Malaysia. Syarikat merekodkan transaksi perakaunan bagi menyediakan penyata kewangan dengan menggunakan perisian *UBS Accounting System*. Butiran akaun yang disediakan di dalam sistem tersebut adalah buku tunai, lejar am, jurnal am, imbalan duga, penyata pendapatan dan lembaran imbalan. Pemeriksaan Audit mendapati tidak ada bukti Buku Tunai bagi

tempoh Januari hingga Disember 2007 disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab. Buku Tunai ini tidak dicetak setiap bulan dan hanya dicetak pada 31 Disember 2007. Adalah disarankan Buku Tunai ini disemak secara berkala bagi menentukan ketepatannya dan sebagai satu kawalan dalam.

Memandangkan Syarikat tidak mempunyai manual perakaunan, semakan Audit terhadap pematuhan kepada tatacara dan peraturan kewangan berkaitan pengurusan kewangan dan akaun telah dijalankan. Pengauditan ini dijalankan berpandukan peraturan yang diterima umum seperti Arahan Perbendaharaan, Akta Acara Kewangan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan. Antara penemuan Audit adalah seperti berikut:

i) Prosedur Penerimaan

Arahan Perbendaharaan 72 menghendaki setiap pemungut menyelenggarakan Buku Tunai dengan lengkap dan kemas kini serta diperiksa setiap hari oleh pegawai bertanggungjawab bagi menentukan semua kutipan telah diakaunkan dengan betul. Semakan Audit mendapati tidak ada semakan ke atas Buku Tunai dan slip bayar masuk bank oleh pegawai penyelia bagi menentukan jumlah terimaan sebenar telah dibankkan.

ii) Prosedur Pembayaran

Semakan Audit ke atas baucar bayaran bagi tahun 2007 dan 2008 mendapati pembayaran telah dibuat dengan sewajarnya. Baucar bayaran telah disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. Bagi bayaran kemajuan projek, baucar tersebut telah disokong dengan laporan penilaian interim. Pemeriksaan Audit juga mendapati perkara berikut:

- Baucar bayaran telah diluluskan dan ditandatangani oleh pegawai yang menyedia, pegawai penyemak dan pegawai yang meluluskan bayaran. Bagaimanapun didapati nama dan jawatan masing-masing tidak di cop atau dinyatakan selepas tandatangan dibuat.
- Tidak dapat menentukan pegawai yang diberi kuasa untuk kelulusan atau kebenaran menandatangani baucar kerana perkara ini tidak dinyatakan. Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 13/1/2006 hanya menetapkan kebenaran untuk menandatangani cek-cek Syarikat dengan had-had yang dibenarkan.
- Baucar bayaran bersama dokumen sokongan yang telah sempurna tidak di cop dengan perkataan “JELAS”. Adalah disarankan perkataan jelas di cop ke atas baucar tersebut bagi mengelakkan pembayaran dua kali.
- Semua baucar bayaran telah difailkan dengan kemas kini dan disimpan dengan baik.

iii) Penyata Penyesuaian Bank

Penyata penyesuaian Bank disediakan bagi tujuan memastikan maklumat dan amaun yang telah diambil kira dalam Buku Tunai dengan penyata bank adalah

betul. Semakan Audit mendapati penyata penyesuaian bank bagi 2 akaun bank iaitu Affin Bank Berhad dan Malayan Banking Berhad bagi tahun 2007 telah disediakan dengan kemas kini dan teratur. Bagaimanapun penyata penyesuaian bank bagi bulan Januari hingga Mei 2008 masih belum disediakan. Adalah disarankan penyata penyesuaian bank disediakan setiap bulan bagi memastikan kawalan dalam yang baik terhadap kemasukan dan pengeluaran wang Syarikat.

b) Pengurusan Aset Dan Inventori

Pengauditan terhadap pengurusan aset dan inventori adalah bagi memastikan perolehan aset telah direkodkan dengan teratur dan dikawal bagi mengelakkan berlakunya pembaziran.

i) Kenderaan Syarikat

Semakan Audit mendapati Syarikat memiliki 11 buah kenderaan dan setiap kenderaan mempunyai fail sejarah. Kenderaan-kenderaan tersebut adalah seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41
Kenderaan Milik Syarikat

Bil.	Jenis Kenderaan	No. Pendaftaran
1.	Lori Hicom 3 MT	TAQ 1569
2.	Lori Hicom 3MT	TAQ 2771
3.	Lori Hicom 3MT	TAQ 1921
4.	Lori Hino 5MT	TAQ 2163
5.	Lori Hino 5MT	TAQ 4023
6.	Lori Hino 5MT	TAQ 4265
7.	Nissan Frontier	JHT 9839
8.	Ford Ranger	TAN 4428
9.	Mitsubishi Pajero	TR 4405
10.	Proton Perdana V6	WLA 8763
11.	Nissan Frontier	TAN 4460

Sumber : Rekod Syarikat

Syarikat ada menyelenggarakan Buku Log bagi setiap kenderaan bagi merekodkan butiran perjalanan, penggunaan bahan api, pegawai yang mengguna kenderaan dan kelulusan pegawai untuk memastikan kenderaan digunakan secara munasabah. Semakan Audit ke atas Buku Daftar Kenderaan mendapati kesemua kenderaan tersebut telah didaftarkan di atas nama Syarikat.

ii) Harta Modal Dan Inventori

Semakan Audit terhadap pengurusan harta modal dan pemeriksaan fizikal adalah untuk menentukan kewujudan aset mendapati perkara seperti berikut:

- Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggarakan. Setiap pembelian hanya dapat dilihat di dalam fail baucar bayaran. Adalah disarankan satu senarai harta modal disediakan untuk menentukan kewujudan dan semak silang kepada lembaran imbangan.

- Syarikat tidak mempunyai garis panduan bagi menetapkan had kelulusan pembelian aset. Semua pembelian dibuat dengan kelulusan Pengarah Urusan. Bagaimanapun, terdapat beberapa pembelian aset yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah terlebih dahulu sebelum pembelian dibuat.
- Butiran pemberian dan penyenggaraan aset tidak terdapat dalam daftar aset kerana disimpan di dalam fail baucar bayaran.
- Peralatan pejabat seperti kerusi, meja dan komputer serta mesin/jentera dan alatan kilang tidak ditandakan dengan nombor siri bagi memudahkan Syarikat membuat pengesanan.

18.4.2 Syarikat Subsidiari/Bersekutu

Syarikat telah menujuhkan 9 buah syarikat subsidiari dan satu syarikat bersekutu bagi memastikan kegiatan operasi Syarikat berjalan dengan lancar dan jayanya. Syarikat subsidiari/bersekutu yang ditubuhkan antara tahun 2008 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 42**.

Jadual 42
Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu Yang Ditubuhkan Bagi Tempoh 2008 hingga 2006

Bil.	Aktiviti/ Nama Syarikat	Tarikh Tubuh	Modal Dibenar (RM)	Modal Berbayar (RM)	Pemegang Saham
Pertanian					
1.	TRG Sutratani Sdn. Bhd.	27.11.2006	500,000	51,002	TADC – 51% JBP Greentech-49%
2.	Terengganu Seeds Corporation Sdn. Bhd.	26.11.2007	100,000	2	TADC – 40% Green World Marketing Corp Sdn. Bhd – 60%
3.	Terengganu Produce Corporation Sdn. Bhd.	26.11.2007	100,000	2	TADC – 51% Global Agro Resources - 49%
4.	Terengganu Agrobio Research Sdn. Bhd	2008	100,000	2	TADC – 100%
Perikanan					
5.	TRG Cell Sdn. Bhd.		500,000	350,000	TADC – 70% Cell - 30%
6.	TRG Aquaculture Sdn. Bhd.	16.7.2007	500,000	2	TADC – 55% Fenomena Luas – 45%
7.	TRG Sukran Hatchery Sdn. Bhd.	25.9.2007	500,000	2	TADC – 60% Citra Evolution – 40%
8.	Kenyir Freshwater Fish Corp Sdn. Bhd.	26.11.2007	100,000	2	TADC – 100%
9.	TRG Sukran Sdn. Bhd.	27.11.2006	500,000	2	TADC – 100%
Penternakan					
10.	TRG Livestock Sdn. Bhd.	26.11.2007	100,000	2	TADC – 100%

Sumber : Rekod Syarikat

Semakan Audit mendapati hanya 2 syarikat iaitu TRG Sutratani Sdn. Bhd dan TRG Cell Sdn. Bhd. yang mempunyai penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 seperti berikut:

a) TRG Sutratani Sdn. Bhd.

Syarikat TRG Sutratani Sdn. Bhd. (TRG Sutratani) adalah usaha sama Syarikat dengan JPB Asia Passific Sdn. Bhd. (JPB) di mana pegangan saham Syarikat adalah 51% manakala baki 49% dipegang oleh JPB. Aktiviti utama TRG Sutratani adalah menjalankan perniagaan berasaskan pertanian dan produk-produk pertanian. TRG Sutratani menjalankan tanaman sayur-sayuran menggunakan teknik rumah kaca di Kampung Telaga Papan, Setiu. Mengikut penyata kewangan berakhir 31 Disember 2007, TRG Sutratani mengalami kerugian sebanyak RM186,592 bagi tahun semasa.

Pada tahun 2007, Syarikat telah memberi pinjaman sejumlah RM0.21 juta kepada TRG Sutratani untuk belanja mengurus dan bayaran elaun peserta projek.

b) TRG Cell Sdn. Bhd.

Syarikat TRG Cell Sdn. Bhd. (TRG Cell) adalah usaha sama Syarikat dengan Cell Aquaculture Ltd. (Australia) di mana pegangan saham Syarikat adalah 70% manakala baki 30% dipegang oleh Cell Aquaculture Ltd. Aktiviti TRG Cell adalah menjalankan projek akuakultur menggunakan konsep *Recirculating Aquaculture System (RAS)* di Tanjung Demong, Besut. Mengikut penyata kewangan berakhir 31 Disember 2007, TRG Cell telah mengalami kerugian sebanyak RM525,135 bagi tahun semasa.

Pada tahun 2007, Syarikat telah memberi pinjaman sejumlah RM4.26 juta kepada TRG Cell untuk belanja mengurus dan modal kerja. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tidak ada perjanjian ditandatangani antara kedua-dua pihak. Adalah disarankan satu perjanjian yang formal disediakan bagi menjamin kepentingan kedua-dua pihak memandangkan pinjaman ini melibatkan jumlah yang besar.

Pada pendapat Audit, prosedur kerja adalah tidak memuaskan di mana Syarikat tidak mempunyai manual prosedur perakaunan untuk dijadikan rujukan kepada semua kakitangan yang terlibat. Selain itu, perjanjian pinjaman yang dikeluarkan kepada syarikat subsidiari tidak disediakan/ditandatangani.

18.4.3 Pengurusan Operasi

Syarikat merancang untuk menjadikan bidang pertanian suatu perniagaan, bagi membantu menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan taraf kehidupan golongan sasar. Dengan ini aktiviti Syarikat tertumpu kepada 3 program iaitu program pertanian, perikanan dan penternakan seperti berikut:

a) Program Pertanian

Bidang pertanian menjadi penanda aras penting kejayaan aktiviti yang dilaksanakan oleh Perbadanan melalui Syarikat sebagai pembangunan ekonomi baru Negeri Terengganu. Peranan yang dimainkan oleh Syarikat di dalam bidang pertanian melibatkan 3 komponen utama iaitu pengeluaran, *value chain network* dan juga pasaran yang merupakan kejayaan sesuatu program yang dilaksanakan. Syarikat terlibat dalam 4 program pertanian seperti berikut:

i) Program Fertigasi Mega

Projek ini dijalankan bersama Jabatan Pertanian Negeri Terengganu dan projek pertama adalah tanaman tembakai. Kawasan yang dipilih adalah di Kampung Tanjung Gelam, Kampung Tok Badir, Sungai Rengas, Losong, Padang Maras, Kuala Ibai, Gong Kuin, Kampung Telaga Papan dan Kampung Gong Medan. Projek ini melibatkan seramai 250 orang peserta. Penanaman tembakai dibuat secara berkumpulan dan ianya mengambil masa selama 4 bulan untuk mengeluarkan hasil. Projek ini telah dimulakan pada bulan Januari 2007 dan hasil pertama telah diperoleh pada bulan April 2007.

ii) Display Farm Fertigasi

Projek ini dijalankan di kawasan Suterasemai, Chendering secara inkubator di mana setiap peserta diberi suntikan modal dan pendahuluan pokok lada. Tanaman percubaan ialah cili, terung, bunga kubis, tomato ceri, tembakai dan Timun Jepun. Setiap tanaman mempunyai beberapa jenis dan akan dilihat perbezaannya. Tanaman tersebut akan dikaji untuk dilihat kesesuaianya untuk dijadikan sebagai tanaman utama kelak.

iii) Program Sutratani

Projek ini dijalankan secara usaha sama dengan Syarikat JBP Greentech atas nama TRG Sutratani Sdn. Bhd. Projek ini adalah tanaman sayur menggunakan 3 modul rumah kaca (green house) dengan kos RM2.43 juta di Kampung Telaga Papan, Setiu. Program ini dikenali sebagai Skim Untuk Kesejahteraan Petani (SUTRATANI) yang menggunakan teknik tanaman secara fertigasi tertutup di dalam *polibag*. Teknologi yang digunakan ialah daripada Belanda dan disesuaikan dengan keadaan tempatan. Program ini telah memberi faedah secara langsung kepada 30 orang peserta. Sehingga kini 2 jenis tanaman telah diusahakan. Tanaman pusingan pertama adalah Timun Jepun dan pusingan kedua adalah tanaman cili. Program tanaman Timun Jepun telah berakhir pada Oktober 2007, manakala tanaman cili telah bermula pada bulan Disember 2007. Di bawah Modul 1 telah ditanam 14,000 pokok cili dan kini telah berusia 8 bulan serta telah berbuah. Modul 2 juga ditanam dengan cili dan sedang menjalani proses penuaian, manakala modul 3 baru ditanam. Pokok-pokok cili ini mempunyai jangka hayat sehingga setahun dan mampu mencapai ketinggian sehingga 10 kaki. Sehingga kini hasil tuaian telah mencapai 55 tan dan

dipasarkan ke pasaran tempatan seperti ke Pasar Borong Selayang. **Foto 1** dan **2** menunjukkan projek tanaman cili di Kg. Telaga Papan, Setiu.

Foto 1
Tanaman Cili Di Dalam Rumah Kaca Di Modul I



*Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 22 Mei 2008
Lokasi : Kg. Telaga Papan, Setiu, Terengganu*

Foto 2
Pokok Cili Yang Telah Berumur 8 Bulan



*Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 22 Mei 2008
Lokasi : Kg. Telaga Papan, Setiu, Terengganu*

iv) Program Tanaman Jagung Berskala Tinggi

Projek ini adalah tanaman jagung berskala tinggi di 10 buah kampung di Hulu Terengganu dengan melibatkan 100 orang petani. Sebanyak 8 buah kampung telah selesai tanaman pusingan pertama dan sejumlah 100,000 tongkol jagung

diperolehi. Jagung-jagung ini telah dihantar ke Simpang Renggam, Johor untuk dijual kepada TRG Produce Corp Sdn. Bhd..

b) Program Perikanan/ Akuakultur

Asas pengeluaran akuakultur Syarikat melibatkan hubung kait program antara *hatchery*, nurseri dan *grow out* yang berperanan sebagai mekanisme untuk merancakkan lagi pertumbuhan industri akuakultur negeri. Objektif program ini adalah untuk membantu golongan sasar daripada kalangan orang miskin. Kewujudan *hatchery* adalah bagi mengeluarkan benih ikan bermutu tinggi bagi pasaran dalam dan luar negara. Antara benih yang dikenal pasti adalah kerapu harimau dan kerapu tikus. Projek-projek yang diusahakan oleh Syarikat di bawah perikanan adalah seperti berikut :

i) Projek Ternakan Ikan Dalam Kolam – TRG Aquaculture Sdn. Bhd.

Projek ini dijalankan secara usaha sama dengan Syarikat Fenomena Luas Sdn. Bhd atas nama TRG Aquaculture Sdn. Bhd.. Projek ini adalah ternakan ikan dalam 16 buah kolam menggunakan teknologi *High Density Recirculating Pond Water Cultured System* di Kampung Fikri, Setiu. Peringkat pertama melibatkan sebanyak 7 buah kolam di mana 4 kolam untuk udang putih, manakala 3 kolam untuk ikan siakap. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM2.50 juta untuk projek ini. Sistem ini menggunakan air laut yang dipompa ke dalam kolam. Projek ini telah beroperasi sejak bulan Mac 2008 lagi dengan 2 buah kolam untuk ikan siakap, 4 buah kolam dengan isian sejumlah 1.4 juta benih udang setiap kolam manakala satu kolam masih kosong. Ternakan ikan siakap telah dituai pada bulan Mei 2008 untuk dijual kepada nelayan sebagai benih anak ikan di mana mereka akan pelihara sehingga ke saiz pasaran. **Foto 3** dan **4** menunjukkan sebuah kolam ternakan udang dan hasil ternakan udang.

Foto 3
Kolam Ternakan Udang Putih Menggunakan Sistem High Density Recirculating Pond Water Cultured



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 22 Mei 2008

Lokasi : Kolam Ternakan Ikan di Kampung Fikri, Setiu

Foto 4
Ternakan Udang Putih



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh : 22 Mei 2008

Lokasi : Kampung Fikri, Setiu

ii) Projek Hatchery Perikanan (Sistem Tertutup) Di Tanjung Demong – TRG Sukran Hatchery Sdn. Bhd.

Projek ini dijalankan secara usaha sama dengan Syarikat Citra Evolusi dari Indonesia atas nama TRG Sukran Hatchery Sdn. Bhd.. Projek ini adalah bagi mengeluarkan 500,000 ekor anak ikan bermutu tinggi bersaiz 6 inci setahun dengan menggunakan sistem tertutup di Tanjung Demong, Besut. Sistem ini menggunakan air masin yang disedut daripada laut dan disimpan di dalam tangki sebelum dilepaskan ke dalam kolam. Projek ini telah bermula pada bulan November 2007 dengan percubaan pelepasan 1,000 ekor anak ikan kerapu harimau dan kerapu tikus bersaiz 2 inci (*fingerlings*) ke dalam satu kolam. Projek ini mempunyai 12 buah kolam yang terdiri daripada kolam untuk peringkat penetasan telur, *fingerling* (anak ikan hingga saiz 2 inci), *nursery* (2 inci - 6 inci) dan *grow-out* (6 inci ke atas). Ikan-ikan pada peringkat *grow-out* akan dipindahkan ke Pusat Pertumbuhan TRG Sukran di Rhu 10, Setiu untuk dipelihara sehingga saiz yang sesuai untuk pasaran. **Foto 5** menunjukkan tempat pembiakan anak ikan di Tanjung Demong, Besut.

Foto 5
Kolam Ternakan Ikan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 22 Mei 2008
Lokasi : Kolam Peliharaan Anak Ikan Di Tanjung Demong, Besut

iii) Projek Ternakan Ikan Dalam Tangki Menggunakan Kaedah Flow Through System – TRG Sukran Sdn. Bhd.

Projek ini dijalankan secara usaha sama dengan Syarikat Citra Evolusi daripada Indonesia atas nama TRG Sukran Sdn. Bhd.. Projek ini adalah untuk membiak ikan kerapu harimau dan ikan kerapu tikus daripada pusat penetasan ikan di Tanjung Demong menggunakan kaedah *flow through system*. Projek ini mempunyai 72 buah kolam gentian untuk memelihara ikan. Pada masa ini, 40 buah kolam telah beroperasi di mana setiap kolam mempunyai 500 ekor ikan kerapu harimau dan kerapu tikus. Putaran air laut di dalam tangki tersebut akan ditukar sebanyak 3 kali sehari. Proses kitaran air ini dibuat bagi memastikan kesegaran air yang akan membantu pembiakan ikan dengan sempurna. Ikan ini akan mengambil masa selama 7 hingga 8 bulan untuk dibiakkan sehingga 10 sentimeter atau seberat 550 gram sebelum dipasarkan untuk menepati permintaan pasaran tempatan dan luar negara iaitu ke Hong Kong. Seramai 16 peserta Program Pembangunan Rakyat Termiskin dipilih menyertai projek ini dengan pendapatan sebanyak RM500 sebulan sebagai pendapatan sampingan. **Foto 6** dan **7** menunjukkan tangki yang digunakan untuk memelihara ikan dan ikan kerapu yang dipelihara.

Foto 6
Tangki Ternakan Ikan



Foto 7
Ikan Kerapu Yang Diternak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara
Tarikh : 22 Mei 2008
Lokasi : Projek Ternakan Ikan Di Kampung Rhu 10, Setiu

iv) Projek Akuakultur Menggunakan Konsep Recirculating Aquaculture System (RAS) – TRG Cell Sdn. Bhd.

Projek ini dijalankan secara usaha sama dengan Syarikat Cell Aquaculture Ltd. dari Australia atas nama TRG Cell Sdn. Bhd.. Projek menternak ikan ini dalam 12 modul tangki mengikut konsep *hatch to despatch* dengan peruntukan sejumlah RM10 juta. Projek ini adalah bagi ternakan ikan siakap jenis barramundi yang diimport daripada Australia dan untuk pasaran luar negara. Fasa pertama telah dimasukkan benih siakap pada bulan Februari 2008 dan akan mengambil masa di antara 6 hingga 7 bulan sebelum dapat dipasarkan.

v) Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar Di Sungai Como, Tasik Kenyir – High Impact Project) - Kenyir Freshwater Fish Corporation Sdn. Bhd.

Projek ini telah dijalankan oleh syarikat anak atas nama Kenyir Freshwater Fish Corporation Sdn. Bhd.. Projek ini adalah ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Como, Tasik Kenyir. Blok satu mengandungi 200 buah sangkar telah beroperasi di mana 150 unit mengandungi ikan tilapia, 11 unit untuk ikan siakap, 3 unit untuk ikan patin, 2 unit bagi ikan baung manakala 34 unit sangkar masih belum diisi. Pembangunan 10 modul yang mengandungi 2,000 sangkar lagi sedang dalam pembinaan dan akan melibatkan 80 orang peserta PPRT dan 10 orang siswazah.

c) Program Ternakan

Syarikat telah menubuhkan sebuah syarikat anak iaitu TRG Livestock Sdn. Bhd. bagi mengkomersialkan bidang ternakan bagi membantu golongan miskin meningkatkan pendapatan mereka mengikut program-program yang telah di atur. Aktiviti syarikat ini adalah mengurus dan melaksanakan operasi ternakan terutama menternak kambing. Program ternakan ini turut dibantu oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan

Kerajaan Negeri. Program ini akan disertai oleh peserta PPRT dan seorang siswazah yang akan bertindak sebagai penyelia ladang. Bagaimanapun ternakan kambing ini masih belum beroperasi kerana peruntukan daripada Kerajaan Negeri masih belum diperoleh.

Pada pendapat Audit, Syarikat telah melaksanakan program yang baik dalam membangunkan sektor pertanian dan perikanan bagi meningkatkan taraf sosial dan ekonomi golongan sasar.

18.5 PENGURUSAN RISIKO

Setiap aktiviti yang diceburi oleh Syarikat mempunyai risikonya tersendiri. Oleh itu adalah penting untuk mengenal pasti risiko sedia ada dan berpotensi serta mengatur strategi untuk menguruskannya atau meminimumkan kesannya. Pengurusan risiko yang baik dapat membantu Syarikat mencapai objektifnya. Bagi tujuan tersebut syarikat telah mengambil insurans terhadap semua projek yang dijalankan.

18.6 ANALISIS KEWANGAN

Analisis kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan Syarikat bagi tahun 2006 dan 2007 mendapatkan:

18.6.1 Penyerahan Dan Perakuan Penyata Kewangan

Mengikut Seksyen 169 Akta Syarikat, setiap syarikat perlu mengemukakan penyata kewangan bagi sesuatu tahun kewangan kepada Juruaudit Luar Bertauliah untuk diaudit sebelum dibentangkan semasa mesyuarat agung tahunan. Bagi tahun 2006 dan 2007, penyata kewangan Terengganu Agrotech Development Corp. Sdn. Bhd. telah diaudit oleh Tetuan Hanafiah, Raslan & Mohamad. Sijil tanpa teguran telah dikeluarkan terhadap penyata kewangan bagi tahun berkenaan.

18.6.2 Analisis Penyata Kewangan

Terengganu Agrotech Development Corp. Sdn. Bhd. menyediakan penyata kewangan tahun pertama sejak penubuhannya pada Februari 2006. Pihak Audit telah menyemak penyata kewangan tahun 2006 dan 2007 bagi menentukan prestasi kewangan Syarikat. Analisis yang dilakukan terhadap penyata kewangan, Syarikat telah mengakhiri tahun kewangan 2006 dengan catatan keuntungan tahun semasa berjumlah RM0.05 juta dan meningkat kepada RM0.38 juta pada tahun 2007. Bagaimanapun, Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan berakhir pada tahun 2007 masih menunjukkan catatan kerugian terkumpul berjumlah RM3.45 juta. Jumlah kerugian tersebut telah berkurangan sebanyak RM0.38 juta berbanding sejumlah RM3.83 juta pada tahun 2006. Laporan ringkas kedudukan kewangan dan prestasi kewangan pada tahun 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43
Ringkasan Kedudukan Kewangan Bagi Tahun 2006 Dan 2007

Maklumat Kewangan	Tahun		Peningkatan/ (Pengurangan) (RM Juta)
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
Pendapatan	3.52	30.18	26.66
Perbelanjaan	3.46	29.79	26.33
Lebihan/(kurangan)	0.06	0.39	0.32
Lebihan/(kurangan) Terkumpul	(3.83)	(3.45)	(0.38)
Aset Bukan Semasa	0.002	1.10	1.098
Aset Semasa	20.77	14.80	(5.97)
Liabiliti Semasa	24.11	18.65	(5.46)
Liabiliti Jangka Panjang	-	0.20	0.20
Aset /(Liabiliti) Semasa Bersih	(3.34)	(3.85)	0.51
Inventori	-	0.14	0.14
Wang di Tangan & Bank	2.53	8.77	6.24

Sumber : Penyata Tahunan

18.6.3 Analisis Nisbah Kewangan

Analisis nisbah merupakan kaedah yang digunakan untuk menilai prestasi kewangan sesebuah syarikat. Maklumat yang digunakan diperoleh daripada data perakaunan yang direkodkan dalam penyata kewangan. Analisis kewangan dalam laporan ini dibuat berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2006 dan 2007. Analisis yang dilakukan meliputi nisbah kecairan, nisbah hutang, nisbah margin keuntungan, nisbah pulangan atas aset, nisbah *earning per share* dan nisbah *net tangible asset*.

a) Nisbah Kecairan

Nisbah Semasa atau nisbah kecairan aset adalah ukuran yang digunakan bagi menilai kekuatan kewangan sesebuah syarikat. Ia mengukur kemampuan sesebuah syarikat menjelaskan segala hutang dalam jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Kedudukan nisbah semasa pada kadar 2:1 menunjukkan keadaan yang baik.

Pada akhir tahun 2007, Syarikat mempunyai aset semasa berjumlah RM14.80 juta berbanding RM20.77 juta pada tahun 2006. Manakala liabiliti semasa pada tahun 2007 berjumlah RM18.65 juta berbanding RM24.11 juta pada tahun 2006. Ini bermakna Syarikat pada tahun 2007 mempunyai nisbah semasa 0.79:1 berbanding 0.86:1 pada tahun 2006. **Nisbah di atas menunjukkan margin setinggi 0.79 dan 0.86 kali menggambarkan pengurusan Syarikat menghadapi masalah untuk membuat bayaran terhadap bil tuntutan dalam masa yang ditetapkan.**

b) Nisbah Hutang

Nisbah Hutang adalah menunjukkan jumlah hutang yang perlu ditanggung untuk menghasilkan aset syarikat. Mengikut *standard* yang biasa, nisbah hutang berbanding dengan aset adalah pada kadar 0.5:1, iaitu jumlah hutang kurang 50% daripada aset adalah dianggap *prudent*.

Pada akhir tahun 2007, Syarikat mempunyai aset berjumlah RM15.90 juta berbanding RM20.78 juta pada tahun 2006. Manakala liabiliti berjumlah RM18.85 juta berbanding RM24.11 juta pada tahun 2006. Dengan membandingkan jumlah hutang ke atas jumlah aset pada akhir tahun 2007, nisbah hutang Syarikat adalah 1.19:1 iaitu lebih tinggi berbanding 1.16:1 pada tahun 2006. Peningkatan nisbah ini menunjukkan jumlah hutang yang diambil oleh syarikat berbanding asetnya semakin bertambah. Daripada semakan Audit juga mendapati jumlah hutang jangka pendek Syarikat adalah sangat tinggi iaitu sejumlah RM18.65 juta atau 98.9% dari jumlah keseluruhan hutang manakala aset tetap bersihnya setakat 31 Disember 2007 iaitu RM14.80 juta atau 93.7% daripada keseluruhan jumlah aset syarikat. **Ini menunjukkan kemampuan syarikat untuk membayar hutang adalah tidak memuaskan memandangkan jumlah keseluruhan aset Syarikat tidak mampu menampung liabiliti.**

c) Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah Pulangan Atas Aset adalah nisbah yang sering digunakan untuk mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan akan menunjukkan kecekapan syarikat berkenaan menguruskan asetnya bagi mendapatkan pulangan yang terbaik.

Pada akhir tahun 2007, Syarikat mempunyai untung bersih berjumlah RM0.38 juta berbanding RM0.06 juta pada tahun 2006. Manakala asetnya berjumlah RM15.90 juta berbanding RM20.77 juta pada tahun 2006. Berdasarkan kepada kiraan nisbah berkenaan, setiap ringgit aset yang digunakan, pada tahun 2007 Syarikat memperoleh hasil keuntungan sejumlah 0.02 sen berbanding 0.00 sen pada tahun 2006. **Pada pandangan Audit, Syarikat perlu mengurus asetnya dengan lebih cekap lagi supaya mendapat pulangan yang maksimum.**

d) Nisbah Net Tangible Asset

Nisbah *Net Tangible Asset (NTA)* menunjukkan nilai sebenar syarikat bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan oleh pelabur. *NTA* merupakan faktor utama bagi pelabur yang ingin melabur atau membeli saham sesebuah syarikat.

Pada tahun 2007, Syarikat mempunyai saham berbayar berjumlah RM0.50 juta berbanding RM0.50 juta pada tahun 2006. Manakala asetnya berjumlah RM15.90 juta berbanding RM20.78 juta pada tahun 2006. Manakala jumlah liabiliti syarikat pada tahun 2007 berjumlah RM18.85 juta berbanding RM24.11 juta pada tahun 2006. Berdasarkan kiraan nisbah berkenaan, *NTA* bagi Syarikat untuk tahun 2007 adalah bernilai (RM5.90) sesaham berbanding RM6.67 sesaham pada tahun 2006. **Pada pandangan Audit, kedudukan Syarikat adalah tidak memuaskan kerana mempunyai nisbah yang negatif.**

e) Nisbah Margin Keuntungan

Nisbah Margin Keuntungan digunakan untuk mengukur kadar keuntungan bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada aktiviti perniagaan utama syarikat (*core business*) sebelum cukai bagi sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat dalam menjalankan perniagaan. Kenaikan kadar ini juga akan memberi kesan terhadap peningkatan keuntungan syarikat.

Pada akhir tahun 2007 Syarikat mempunyai untung sebelum cukai berjumlah RM0.39 juta berbanding RM0.06 juta pada tahun 2006. Pada tahun 2007 pendapatan Syarikat berjumlah RM30.06 juta berbanding RM3.52 juta pada tahun 2006. Berdasarkan kiraan Audit, margin keuntungan Syarikat sebelum cukai setakat 31 Disember 2007 ialah 1 sen berbanding 2 sen pada tahun 2006 bagi setiap ringgit hasil yang dikutip. **Ini menunjukkan secara keseluruhan margin keuntungan Syarikat untuk tahun 2007 dan 2006 adalah pada kadar yang minimum dan perlahan.**

f) Nisbah Earning Per Share

Nisbah *Earning Per Share (EPS)* adalah penting kerana ia menunjukkan pulangan sebenar bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan oleh pemegang saham. *EPS* merupakan petunjuk utama prestasi syarikat untuk menentukan sama ada pelabur akan terus melabur di syarikat berkenaan atau sebaliknya. Nilai *EPS* yang tinggi menunjukkan bahawa syarikat berkenaan memperoleh keuntungan yang tinggi.

Pada tahun 2007, Syarikat mempunyai saham berbayar berjumlah RM0.50 juta berbanding RM0.50 juta pada tahun 2006. Manakala jumlah keuntungan bersih selepas cukai RM0.39 juta berbanding RM0.06 juta pada tahun 2006. Berdasarkan nisbah berkenaan, setiap ringgit jumlah saham dilaburkan oleh pemegang saham dalam Syarikat, Syarikat ini akan memperoleh keuntungan sebanyak 77 sen sesaham pada tahun 2007 dan 12 sen sesaham pada tahun 2006. **Ini menunjukkan pulangan yang diperoleh oleh pelabur saham Syarikat pada tahun 2007 adalah lebih tinggi berbanding dengan tahun 2006.**

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan berasaskan analisis nisbah yang dibuat memberikan gambaran yang kurang memuaskan terhadap kedudukan kewangan Syarikat. Justeru itu, pihak pengurusan hendaklah mengkaji situasi ini secara lebih terperinci bagi memperbaiki kedudukan kewangan Syarikat pada masa hadapan.

19. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Syarikat menunjukkan peningkatan di mana keuntungan semasa tahun 2006 yang berjumlah RM0.05 juta telah meningkat kepada RM0.38 juta atau 660% bagi tahun 2007. Namun begitu, Syarikat perlu berusaha mempertingkatkan prestasi kerana dana pemegang saham masih menunjukkan kedudukan yang defisit sejumlah RM3.45 juta. Syarikat perlu juga memperbaiki aliran kecairan bagi memastikan keupayaan dalam menjalankan aktiviti dan membayar hutang dapat dilaksanakan dengan baik. Selain itu, Perbadanan perlu mengkaji prestasi kewangan, kecekapan operasi dan pengeluaran produk bagi mempertingkatkan pulangan hasil kepada Syarikat. Syor Audit bagi mengatasi kelemahan dan meningkatkan pengurusan Syarikat adalah seperti berikut :

- a) Menyediakan prosedur kewangan secara rasmi supaya kakitangan faham dengan peraturan dan prosedur kewangan Syarikat untuk mewujudkan kawalan dalam yang lebih mantap;
- b) Menyediakan prosedur/tatacara pengurusan rekod aset yang merangkumi merekodkan, pembelian, penyenggaraan, penggunaan dan pelupusan aset bagi memastikan pengurusan yang lebih berkesan terhadap aset Syarikat;
- c) Mengurus asetnya dengan lebih cekap lagi supaya mendapat pulangan yang maksimum;
- d) Memastikan pengurusan kewangan dan bajet syarikat dilaksanakan secara efisien, kawalan dan perancangan yang baik perlu diambil perhatian supaya kedudukan kewangan syarikat memberi gambaran kewangan yang cekap dan mampu untuk berkembang di masa hadapan; dan
- e) Menubuhkan Jawatankuasa Audit.

BAHAGIAN VI
PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, PIHK BERKUASA TEMPATAN
DAN MAJLIS AGAMA ISLAM

20. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri yang terdiri daripada Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain mengesahkan Penyata Kewangan, pengauditan terhadap pengurusan kewangan Agensi Negeri juga dijalankan. Ianya bertujuan bagi melaporkan prestasi pengurusan kewangan Agensi berkenaan.

21. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

21.1 Sehingga akhir tahun 2007 terdapat sebanyak 17 Agensi Negeri di Terengganu yang terdiri daripada 10 Badan Berkanun Negeri dan 7 Pihak Berkuasa Tempatan. Setiap Agensi perlu menyerahkan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas berakhir tahun perakaunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dan disijilkan. Bagi mempercepatkan pengauditan, Ketua Audit Negara melantik firma audit swasta berdasarkan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Sebanyak 15 daripada 17 Agensi telah diaudit oleh 6 firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Manakala 2 Agensi lagi diaudit oleh Ketua Audit Negara.

21.2 Pengauditan yang dijalankan oleh firma audit swasta akan dipantau oleh Jabatan Audit Negara bagi menjamin kerja pengauditan dapat disempurnakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Tempoh pengauditan ditetapkan mengikut saiz Penyata Kewangan Agensi iaitu 3 bulan bagi Penyata Kewangan yang besar, dua bulan bagi Penyata Kewangan sederhana dan 1 bulan bagi Penyata Kewangan yang diklasifikasikan sebagai kecil. Sekiranya pengauditan tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, firma audit perlu memberi penjelasan dan memohon lanjutan masa secara bertulis kepada Jabatan Audit Negara. Jabatan Audit Negara akan mengeluarkan surat peringatan kepada firma audit yang tidak dapat menyiapkan pengauditan dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak memohon lanjutan masa secara bertulis.

22. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

22.1 Mengikut Seksyen 60(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Juruaudit hendaklah mengesahkan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan pada atau sebelum 31 Oktober tahun berikutnya. Bagi memenuhi kehendak Akta ini, Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengemukakan Penyata Kewangan kepada Jabatan Audit Negara dengan seberapa segera selepas penutupan tahun kewangan. Manakala 2 Enakmen Badan Berkanun Negeri ada menyebut secara khusus tempoh Penyata Kewangan perlu diserahkan untuk diaudit iaitu masing-masing pada atau sebelum 1 April tahun berikutnya dan dalam masa 6

bulan selepas berakhir setiap tahun kewangan. Sementara itu 8 Enakmen Badan Berkanun Negeri lagi tidak menyatakan secara khusus tarikh Penyata Kewangannya perlu dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.

22.2 Sehingga 30 April 2008, semua Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam telah mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 kepada Jabatan Audit Negara. Kejayaan ini hasil komitmen yang tinggi oleh pihak pengurusan Agensi Negeri dan juga pemantauan yang berterusan oleh Menteri Besar. Adalah diharapkan ia akan berterusan di masa hadapan. Kedudukan penyerahan Penyata Kewangan oleh Agensi Negeri untuk diaudit adalah seperti di **Jadual 44**.

Jadual 44
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan
Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Majlis Agama Islam
Sehingga 30 April 2008

Nama Agensi	Penyata Kewangan		
	Telah Diaikui	Sedang Diaudit	Belum Terima
Badan Berkanun Negeri			
1. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	2006	2007	-
2. Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri	2006	2007	-
3. Yayasan Terengganu	2006	2007	-
4. Yayasan Islam Terengganu	2006	2007	-
5. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri	2006	2007	-
6. Lembaga Muzium Negeri Terengganu	2006	2007	-
7. Yayasan Pembangunan Keluarga	2006	2007	-
8. Majlis Sukan Negeri	2006	2007	-
9. Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin *	2006	-	-
10. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu	2006	2007	-
Pihak Berkuasa Tempatan			
1. Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	2006	2007	-
2. Majlis Perbandaran Kemaman	2007	-	-
3. Majlis Daerah Dungun	2007	-	-
4. Majlis Daerah Marang	2006	2007	-
5. Majlis Daerah Hulu Terengganu	2006	2007	-
6. Majlis Daerah Setiu	2006	2007	-
7. Majlis Daerah Besut	2007	-	-

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Nota : * Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin dinaikkan taraf menjadi Universiti Darul Iman pada Tahun 2007

23. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2006

23.1 Sehingga 30 April 2008, sebanyak 17 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam bagi tahun 2006 telah disahkan oleh Ketua Audit Negara. Ia terdiri daripada 9 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, 7 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan dan 1 Penyata Kewangan Majlis Agama Islam. Bagi Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam, 7 Penyata Kewangan diberi Sijil Tanpa Teguran manakala 3 lagi diberi Sijil Berteguran. Sementara itu, kesemua 7 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan telah diberi Sijil Tanpa Teguran. Jenis Sijil Audit yang diberi ke atas Penyata Kewangan yang diaudit seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45
Kedudukan Jenis Sijil Yang Dikeluarkan Bagi Penyata Kewangan
Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Majlis Agama Islam
Sehingga 30 April 2008

Nama Agensi		Tahun Penyata Kewangan	Tarikh Sijil Audit	Jenis Sijil
Badan Berkanun Negeri				
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	2006	25.7.2007	Bersih
2.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri	2006	26.12.2007	Berteguran
3.	Yayasan Terengganu	2006	5.11.2007	Berteguran
4.	Yayasan Islam Terengganu	2006	23.8.2007	Bersih
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri	2006	28.6.2007	Bersih
6.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	2006	6.11.2007	Bersih
7.	Yayasan Pembangunan Keluarga	2006	27.5.2007	Bersih
8.	Majlis Sukan Negeri	2006	24.12.2007	Berteguran
9.	Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin	2006	9.8.2007	Bersih
10.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu	2006	21.8.2007	Bersih
Pihak Berkuasa Tempatan				
1.	Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	2006	22.8.2007	Bersih
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	2006	3.7.2007	Bersih
3.	Majlis Daerah Dungun	2006	3.7.2007	Bersih
4.	Majlis Daerah Marang	2006	29.5.2007	Bersih
5.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	2006	2.9.2007	Bersih
6.	Majlis Daerah Setiu	2006	20.6.2007	Bersih
7.	Majlis Daerah Besut	2006	5.6.2007	Bersih

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

23.2 Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Agensi yang diberikan Sijil Berteguran adalah kerana tidak mematuhi sepenuhnya kepada Piawaian Standard Perakaunan Malaysia atau *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB). Selain itu rekod kewangan yang diselenggarakan tidak lengkap dan kemas kini menyebabkan berlaku perbezaan antara angka dalam Penyata Kewangan dengan dokumen sokongan.

24. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri dan Akta Pihak Berkuasa Tempatan 1976 (Akta 171), Penyata Kewangan yang telah diaudit dan dikeluarkan sijil oleh Ketua Audit Negara perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga 30 April 2008, masih ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam serta Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2005 dan 2006 belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Kedudukan Penyata Kewangan yang belum dibentangkan adalah seperti di **Jadual 46**.

Jadual 46
Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan
Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Majlis Agama Islam
Sehingga 30 April 2008

Nama Agensi	Penyata Kewangan	
	Tahun	Belum Bentang
Badan Berkanun Negeri		
1. Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	2006	-
2. Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri	2006	2005 & 2006
3. Yayasan Terengganu	2006	2006
4. Yayasan Islam Terengganu	2006	2006
5. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri	2006	-
6. Lembaga Muzium Negeri Terengganu	2006	2006
7. Yayasan Pembangunan Keluarga	2006	-
8. Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin	2006	2006
9. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu	2006	2006
Pihak Berkuasa Tempatan		
1. Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	2006	2006
2. Majlis Perbandaran Kemaman	2006	-
3. Majlis Daerah Dungun	2006	-
4. Majlis Daerah Marang	2006	-
5. Majlis Daerah Hulu Terengganu	2006	-
6. Majlis Daerah Setiu	2006	-
7. Majlis Daerah Besut	2006	-

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

25. PRESTASI KEWANGAN

Analisis Audit terhadap prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam berdasarkan kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 mendapati perkara seperti berikut:

25.1 BADAN BERKANUN NEGERI

Sehingga akhir bulan November 2007, semua Badan Berkanun Negeri telah menyerahkan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.

25.1.1 Analisis terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 mendapati 8 Agensi telah mencatatkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM0.55 juta hingga RM149.02 juta. Manakala 2 Agensi lain mengalami defisit di mana perbelanjaan melebihi pendapatan antara RM0.67 juta hingga RM11.07 juta. Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu telah mencatat lebihan pendapatan paling tinggi iaitu RM149.02 juta hasil daripada caruman kerajaan negeri. Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin pula telah mencatatkan defisit paling tinggi iaitu RM11.07 juta antaranya disebabkan perbelanjaan emolumen RM13.66 juta, perkhidmatan bekalan RM11.94 juta, pemberian dan kenaan bayaran tetap RM0.29 juta dan mengambil kira susut nilai berjumlah RM4.63 juta.

25.1.2 Analisis terhadap Lembaran Imbangan mendapati 9 Agensi berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM0.73 juta

hingga RM429.81 juta. Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu mencatat aset semasa bersih paling tinggi di mana aset semasa berjumlah RM447.95 juta berbanding liabiliti semasa yang berjumlah RM18.14 juta. Antara aset semasa yang besar dimiliki oleh Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu ialah Pelaburan Am Mudharabah/Repo berjumlah RM91.00 juta dan Pelaburan Saham Tersiar Harga berjumlah RM122.96 juta. Sementara itu, sebuah Agensi iaitu Yayasan Islam Terengganu telah mengalami liabiliti semasa bersih di mana jumlah liabiliti semasa sebanyak RM92.79 juta melebihi aset semasa sebanyak RM61.14 juta. Liabiliti semasa paling besar merupakan pinjaman kerajaan negeri yang berjumlah RM59.35 juta.

25.1.3 Kedudukan prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri adalah seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31.12.2006			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2006		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Lebihan/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Harta/Liabiliti Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	79.97	49.85	30.12	342.03	339.89	2.14
2.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	155.16	6.14	149.02	447.95	18.14	429.81
3.	Yayasan Terengganu	97.81	62.73	35.08	53.58	33.25	20.33
4.	Yayasan Islam Terengganu	50.70	47.14	3.56	61.14	92.79	(31.65)
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam	11.03	8.53	2.50	1.24	0.51	0.73
6.	Lembaga Muzium	5.14	4.59	0.55	4.33	0.25	4.08
7.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	14.51	13.22	1.29	8.64	6.14	2.50
8.	Majlis Sukan Negeri	4.88	5.55	(0.67)	1.97	0.10	1.87
9.	Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin	19.45	30.52	(11.07)	21.94	3.94	18.00
10.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu	60.47	38.16	22.31	105.69	1.14	104.55

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

25.2 PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Sehingga akhir bulan Jun 2007, semua Pihak Berkusa Tempatan telah mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 dan telah diaudit serta dikeluarkan Sijil Audit.

25.2.1 Analisis terhadap Penyata Pendapatan Pihak Berkusa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006 mendapati 6 Majlis telah mencatatkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM2.48 juta hingga RM8.83 juta. Manakala 1 Majlis lain mengalami defisit di mana perbelanjaan melebihi pendapatan sejumlah RM2.87 juta.

Majlis Daerah Hulu Terengganu mencatatkan lebihan pendapatan tertinggi iaitu RM8.84 juta iaitu meningkat sebanyak 38.9% berbanding RM6.36 juta pada tahun sebelumnya. Majlis Perbandaran Kuala Terengganu pula telah mencatatkan defisit sejumlah RM2.87 juta antaranya disebabkan perbelanjaan bagi perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM18.21 juta dengan peningkatan sebanyak 91.5% berbanding RM9.51 juta pada tahun 2005.

25.2.2 Analisis terhadap Lembaran Imbangan menunjukkan semua Pihak Berkuasa Tempatan berada dalam kedudukan kewangan yang stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa melainkan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu. Jumlah liabiliti semasa Majlis Perbandaran Kuala Terengganu adalah RM58.77 juta melebihi sejumlah RM39.12 juta berbanding aset semasa yang berjumlah RM19.65 juta pada akhir tahun 2006. Liabiliti semasa yang tertinggi merupakan baki pinjaman daripada Kerajaan Negeri dan Lembaga Tabung Amanah Warisan masing-masing berjumlah RM24.05 juta dan RM17.89 juta pada akhir tahun 2006.

25.2.3 Kedudukan prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 48**.

Jadual 48
Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31.12.2006			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2006		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Lebihan/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti semasa (RM Juta)	Harta/Liabiliti Bersih Semasa (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	45.92	48.79	(2.87)	19.65	58.77	(39.12)
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	37.86	35.38	2.48	44.91	30.62	14.29
3.	Majlis Daerah Dungun	13.92	11.03	2.89	58.01	1.43	56.58
4.	Majlis Daerah Marang	10.45	6.12	4.33	6.30	0.66	5.64
5.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	13.85	5.02	8.83	18.98	1.38	17.60
6.	Majlis Daerah Setiu	10.07	7.48	2.59	3.42	0.46	2.96
7.	Majlis Daerah Besut	13.65	9.61	4.04	9.10	2.52	6.58

Sumber : Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

25.3 TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Cukai Taksiran adalah merupakan penyumbang utama kepada pendapatan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada tahun 2006, satu daripada 7 Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah Dungun menunjukkan penurunan terhadap jumlah tunggakan berbanding tahun 2005. Tunggakan Cukai Taksiran Majlis Daerah Dungun menurun sejumlah

RM0.34 juta. Penurunan ini berlaku disebabkan tindakan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh pihak pengurusan Majlis. Manakala 6 Pihak Berkuasa Tempatan mencatat peningkatan tunggakan cukai taksiran dengan Majlis Daerah Hulu Terengganu tertinggi iaitu sejumlah RM5.05 juta. Kedudukan tunggakan Cukai Taksiran bagi tahun 2005 berbanding 2006 ditunjukkan di **Jadual 49**.

Jadual 49
Tunggakan Hasil Cukai Taksiran
Bagi Tahun 2005 Dan 2006

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tunggakan Cukai Taksiran		Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
		Tahun 2005 (RM Juta)	Tahun 2006 (RM Juta)	
1.	Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	6.29	8.09	1.8
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	11.49	11.54	0.05
3.	Majlis Daerah Dungun	57.29	56.95	(0.34)
4.	Majlis Daerah Marang	0.55	0.68	0.13
5.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	8.06	13.11	5.05
6.	Majlis Daerah Setiu	0.20	0.25	0.05
7.	Majlis Daerah Besut	1.28	1.63	0.35

Sumber : *Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan*

BAHAGIAN VII
TINDAKAN SUSULAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

26. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Bahagian ini melaporkan kedudukan masa kini perkara berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2006. Pemeriksaan susulan dibuat terhadap 6 Jabatan dan Agensi berkenaan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2006 adalah seperti di **Jadual 50**.

Jadual 50
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara
Tahun 2006 Mengenai Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Kerajaan Negeri

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
1. PEJABAT TANAH KUALA TERENGGANU				
	15.1	KAWALAN PENGURUSAN		
	15.1.3	Manual Prosedur Kerja tidak dikemukakan untuk audit.	Menggunakan Manual Kanun Tanah Negara sebagai Manual Prosedur Kerja terhadap aktiviti Pejabat.	Manual khusus berkenaan pengurusan kewangan perlu disediakan.
	15.1.4	Fail Meja tidak lengkap.	Fail Meja telah dilengkapkan mengikut Pekeliling.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
	15.1.6	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak mengikut tempoh yang ditetapkan.	Jawatankuasa telah ambil tindakan mengadakan mesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
	15.3	KAWALAN PERBELANJAAN		
	15.3.1	Penurunan kuasa tidak dikeluarkan secara bertulis.	Surat penurunan kuasa telah dikeluarkan kepada pegawai yang berkenaan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
	15.3.4	Dokumen sokongan untuk bayaran tidak di cop 'Telah Bayar'.	Dokumen sokongan untuk bayaran telah di cop 'Telah Bayar' bagi mengelak bayaran 2 kali.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
	15.3.5	Bil/invois tidak di cop tarikh terima bil.	Bil/Invois yang diterima daripada pembekal di cop tarikh terima.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
	15.5	PENGURUSAN ASET		
	15.5.2	Baki bekalan pejabat sebelum tahun 2006 tidak direkodkan dalam daftar.	Kedudukan baki bekalan pejabat sebelum tahun 2006 telah direkodkan dalam daftar.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
	15.5.4 (a)	Pelantikan Pegawai Pengangkutan belum dibuat.	Pegawai Pengangkutan telah dilantik.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	15.5.4(c) 15.5.5	Buku rekod pergerakan kad inden petrol tidak disediakan. Penyimpanan barang pelbagai termasuk aset yang telah rosak di stor tidak teratur dan tersusun.	Buku Pergerakan kad inden petrol telah disediakan. Tindakan menyusun barang dengan lebih teratur telah diambil oleh Pejabat.	Tindakan diambil adalah memuaskan. Tindakan diambil adalah memuaskan.
2. PEJABAT DAERAH KUALA TERENGGANU				
	20.1 20.2 20.3 20.4 20.5	KAWALAN PENGURUSAN Manual Prosedur Kerja tidak disediakan. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak mengikut tempoh yang ditetapkan. KAWALAN HASIL Tidak ada surat kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan. KAWALAN PERBELANJAAN Daftar Bil tidak diperiksa. PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT Deposit lama tidak diambil tindakan pewartaan. PENGURUSAN ASET Daftar Harta Modal dan Inventori tidak lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan fizikal aset dan verifikasi stok tidak dijalankan. Pelantikan Pegawai Pengangkutan belum dibuat. Tindakan pelupusan terhadap aset rosak tidak diambil.	Pejabat menerima pakai semua peraturan kewangan yang dikeluarkan oleh Perbadanan Malaysia. Jawatankuasa telah ambil tindakan mengadakan mesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan. Surat kebenaran telah dikeluarkan. Pemeriksaan mengejut telah dijalankan. Daftar Bil telah diperiksa. Pejabat dalam proses mengenal pasti deposit yang boleh diwartakan. Daftar belum dikemas kini setakat 2006. Pejabat belum mengambil tindakan menjalankan pemeriksaan aset. Pegawai Pengangkutan telah dilantik. Kenderaan rosak belum diambil tindakan pembaikan/pelupusan.	Manual khusus berkenaan pengurusan kewangan perlu disediakan. Tindakan diambil adalah memuaskan. Tindakan segera perlu diambil bagi memastikan pengurusan aset teratur. Tindakan segera perlu diambil bagi memastikan pengurusan aset teratur. Tindakan diambil adalah memuaskan. Tindakan segera perlu diambil bagi memastikan pengurusan aset teratur.
3. JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU				
	20.1 20.2	KAWALAN PENGURUSAN Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini. KAWALAN HASIL Laporan harian hasil tidak disemak setiap hari.	Jabatan sedang mengambil tindakan mengemas kini Manual Prosedur Kerja. Manakala Fail Meja belum diambil tindakan sepenuhnya. Semakan telah dilakukan.	Tindakan segera perlu diambil bagi meningkatkan pengurusan kewangan. Tindakan diambil adalah memuaskan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	20.3	Tidak ada notis pemberitahuan meminta resit. KAWALAN PERBELANJAAN	Notis berkenaan telah dipamerkan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
	20.4	Daftar Bil tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab. PENGURUSAN AKAN AMANAH/DEPOSIT Buku lejar kawalan tidak disediakan. Perbezaan baki antara Jabatan dengan Perbendaharaan Negeri. Deposit melebihi 12 bulan dan tidak diperlukan tidak diwartakan.	Semakan telah dijalankan terhadap Daftar Bil. Telah disediakan dan kemas kini. Perbincangan antara 2 pihak telah dibuat dan pelarasan akan dibuat. Jabatan sedang mengenal pasti deposit yang terlibat.	Tindakan diambil adalah memuaskan. Tindakan diambil adalah memuaskan. Tindakan diambil adalah memuaskan. Tindakan segera perlu bagi membetulkan baki. Semak keperluan deposit sebelum diwartakan.
	20.5	PENGURUSAN ASET Daftar Harta Modal dan Inventori tidak lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan fizikal tidak dijalankan. Verifikasi stok tidak dijalankan. Pelupusan aset tidak diambil tindakan dengan segera.	Jabatan sedang mengemas kini pendaftaran aset. Pemeriksaan fizikal belum dijalankan. Verifikasi stok telah dijalankan. Tindakan pelupusan telah diambil.	Pendaftaran segera perlu diambil bagi mengawal aset. Pemeriksaan fizikal perlu bagi mengetahui keadaan aset. Tindakan diambil adalah memuaskan. Tindakan diambil adalah memuaskan.

4. PEJABAT AGAMA DAERAH DUNGUN

	20.1	KAWALAN PENGURUSAN Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak ditubuhkan.	Jabatan sedang mengambil tindakan mengemas kini Manual Prosedur Kerja. Manakala Fail Meja belum diambil tindakan sepenuhnya. Jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat Jabatan dan Pejabat Agama Daerah sebagai ahli sahaja.	Tindakan segera perlu diambil bagi meningkatkan pengurusan kewangan. Tindakan diambil adalah memuaskan.
	20.2	KAWALAN HASIL Laporan harian hasil tidak disemak setiap hari. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan.	Semakan telah dilakukan. Pemeriksaan mengejut belum dijalankan.	Tindakan diambil adalah memuaskan. Perlu diadakan segera.
	20.3	KAWALAN PERBELANJAAN Daftar Bil tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab.	Semakan telah dijalankan terhadap Daftar Bil.	Tindakan diambil adalah memuaskan.

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	20.5	<p>PENGURUSAN ASET</p> <p>Daftar Harta Modal dan Inventori tidak lengkap dan kemas kini.</p> <p>Pemeriksaan fizikal tidak dijalankan.</p> <p>Verifikasi stok tidak dijalankan.</p> <p>Pelupusan aset tidak diambil tindakan dengan segera.</p>	<p>Jabatan sedang mengemas kini pendaftaran aset.</p> <p>Pemeriksaan fizikal telah dijalankan.</p> <p>Verifikasi stok telah dijalankan.</p> <p>Tindakan pelupusan telah diambil.</p>	<p>Pendaftaran segera perlu diambil bagi mengawal aset.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p>
5. SEKOLAH MENENGAH AGAMA KHAIRIAH				
	20.1	<p>KAWALAN PENGURUSAN</p> <p>Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini.</p> <p>Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak ditubuhkan.</p>	<p>Jabatan sedang mengambil tindakan mengemas kini Manual Prosedur Kerja. Manakala Fail Meja belum diambil tindakan sepenuhnya.</p> <p>Jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat Jabatan dan sekolah sebagai ahli sahaja.</p>	<p>Tindakan segera perlu diambil bagi meningkatkan pengurusan kewangan.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p>
	20.2	<p>KAWALAN HASIL</p> <p>Laporan harian hasil tidak disemak setiap hari.</p> <p>Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan.</p>	<p>Semakan telah dilakukan.</p> <p>Pemeriksaan mengejut belum dijalankan.</p>	<p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Perlu diadakan segera.</p>
	20.3	<p>KAWALAN PERBELANJAAN</p> <p>Penyata Penyesuaian Perbelanjaan tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini.</p> <p>Daftar Bil tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab.</p>	<p>Penyata tersebut telah disediakan dan akan dipantau oleh Jabatan.</p> <p>Semakan telah dijalankan terhadap Daftar Bil.</p>	<p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p>
	20.5	<p>PENGURUSAN ASET</p> <p>Daftar Harta Modal dan Inventori tidak lengkap dan kemas kini.</p> <p>Pemeriksaan fizikal tidak dijalankan.</p> <p>Verifikasi stok tidak dijalankan.</p> <p>Pelupusan aset tidak diambil tindakan dengan segera.</p>	<p>Jabatan sedang mengemas kini pendaftaran aset.</p> <p>Pemeriksaan fizikal telah dijalankan.</p> <p>Verifikasi stok telah dijalankan.</p> <p>Tindakan pelupusan telah diambil.</p>	<p>Pendaftaran segera perlu diambil bagi mengawal aset.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p> <p>Tindakan diambil adalah memuaskan.</p>
6. LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU				
	34.1	<p>KAWALAN PENGURUSAN</p> <p>Struktur Organisasi</p> <p>Struktur organisasi Lembaga tidak diwujudkan secara sahih.</p>	<p>Penstrukturkan semula disediakan untuk pertimbangan mesyuarat Lembaga.</p>	<p>Struktur yang diwujudkan perlu selari dengan objektif Lembaga.</p>

Bil.	No. Perenggan	Isu-Isu Laporan Audit	Kedudukan Masa kini Laporan Audit Setakat 1 April 2008	Ulasan Audit
	34.1.7	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Tidak ditubuhkan.	Jawatankuasa telah ditubuhkan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
	34.2	KAWALAN HASIL		
	34.2.4	Semakan Harian Semakan harian terhadap Buku Tunai tidak dibuat.	Semakan tidak dijalankan.	Semakan perlu bagi memastikan ketepatan Buku Tunai.
	34.2.6	Slip Bayar Masuk Bank Semakan tidak dibuat terhadap slip bayar masuk bank.	Semakan tidak dijalankan.	Semakan perlu bagi memastikan ketepatan jumlah kemasukan ke bank.
	34.2.8	Pemeriksaan Mengejut Tidak dijalankan pemeriksaan mengejut sekurang-kurangnya satu kali dalam tempoh 6 bulan.	Semakan belum dijalankan terhadap Daftar Setem.	Semakan perlu bagi memastikan ketepatan setem yang dipegang.
	34.5.2	Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu Dan Agensi Kerajaan Negeri Tidak ada rekod bagi merekodkan pinjaman/ pendahuluan yang diberikan.	Daftar tersebut telah disediakan bagi merekodkan pinjaman/ pendahuluan yang diberikan.	Tindakan diambil adalah memuaskan.
	34.7.2	Daftar Harta Modal Dan Inventori Tidak ada daftar harta modal untuk merekodkan harta milik Lembaga.	Lembaga sedang menyediakan daftar harta modal dan mengenal pasti aset untuk pelupusan.	Pendaftaran perlu disegerakan bagi memastikan ketepatan aset yang dipegang.

BAHAGIAN VIII
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

27. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Terengganu. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2006 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 7 Mei 2008.

28. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah selesai membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2004. Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri bagi tahun 2004 belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004 dan 2005 sedang dibincangkan oleh Jawatankuasa. Sepanjang tahun 2007, Jawatankuasa telah mengadakan 2 kali mesyuarat bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2004 dan 2005. Maklumat mesyuarat Jawatankuasa adalah sebagaimana di **Jadual 51**.

Jadual 51
Mesyuarat Dan Lawatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri
Sepanjang Tahun 2007

Tarikh	Perkara
22 Mei 2007	Membincangkan dan mengkaji Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005 yang dibentangkan oleh Pengarah Audit Negeri.
24 Julai 2007	Membincangkan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah terutama berkenaan pengurusan kewangan yang masih berlaku.

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

PENUTUP

Kelemahan dalam penyediaan Penyata Akaun Awam dan pengurusan kewangan yang dilaporkan dalam laporan ini menggambarkan bahawa tahap akauntabiliti pengurusan awam masih perlu dipertingkatkan. Langkah pembetulan perlu diambil bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan.

Pelaksanaan indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang dilaksanakan buat kali pertama pada tahun 2007 telah menunjukkan prestasi kewangan jabatan/Agensi negeri di tahap yang memuaskan. Namun masih terdapat beberapa kelemahan seperti yang dilaporkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pengurusan kewangan adalah kekurangan pegawai, ketiadaan penyeliaan yang rapi dan latihan yang bersesuaian tidak diberi kepada pegawai. Oleh itu, adalah disyorkan Pegawai Pengawal yang terlibat mengkaji semula keperluan pegawai, mematuhi standard perakaunan dan prosedur kewangan, memantau kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan dan menyediakan prosedur kerja yang lengkap.

Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan audit negara adalah berdasarkan pensampelan dan skop tertentu, pegawai pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya


1 Julai 2008



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada 31 Disember 2007 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2007.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
1 Julai 2008

Lampiran II

Lembaran Imbangan
seperti pada 31 Disember, 2007

	<i>Nota</i>	<i>2007</i>	<i>2006</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
ASET			
A WANG TUNAI	8	402,852,431.19	836,351,135.93
B PELABURAN		89,500,000.00 <u>492,352,431.19</u>	205,500,000.00 <u>1,041,851,135.93</u>
JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI :			
C AKAUN HASIL DISATUKAN	9 - 11	(278,415,505.42)	5,974,343.55
D AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	12	0.00	0.00
E AKAUN AMANAH DISATUKAN	13 - 16	770,767,936.61 <u>492,352,431.19</u>	1,035,876,792.38 <u>1,041,851,135.93</u>

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan

DATO' HJ MAZLAN BIN NGAH
Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu Darul Iman
10 Feb 2008

WAN RAHIMI BIN WAN AB. RAZAK
Bendahari Negeri
Terengganu Darul Iman
10 Feb 2008


Lampiran III

**Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai
seperti pada 31 Disember, 2007**

	<u>Nota</u> 17	<u>2007</u> <u>RM</u>	<u>2006</u> <u>RM</u>
TERIMAAN			
Hasil			
Hasil Cukai	36,985,513.24	34,028,424.30	
Hasil Bukan Cukai	125,355,876.49	106,017,013.72	
Terimaan Bukan Hasil	<u>1,099,791,374.83</u>	<u>1,262,132,764.56</u>	<u>1,421,097,577.02</u>
			1,561,143,015.04
Pinjaman			
Pinjaman Dalam Negeri	<u>49,141,041.00</u>	<u>49,141,041.00</u>	<u>6,307,077.00</u>
			6,307,077.00
Terimaan Modal			
Terimaan Balik Pinjaman	<u>5,741,353.77</u>	<u>5,741,353.77</u>	<u>28,728,529.42</u>
			28,728,529.42
Jumlah Terimaan	<u>1,317,015,159.33</u>		<u>1,596,178,621.46</u>
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus			
Emolumen	186,677,694.00	169,579,782.85	
Perkhidmatan dan Bekalan	121,757,585.27	109,786,118.33	
Aset	73,190,200.57	85,728,440.64	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,163,413,400.25	1,011,177,400.58	
Perbelanjaan Lain	<u>1,483,733.44</u>	<u>1,546,522,613.53</u>	<u>635,451.22</u>
			1,376,907,193.62
Perbelanjaan Pembangunan			
Langsung	784,024,994.86	547,074,105.51	
Pinjaman	<u>-</u>	<u>784,024,994.86</u>	<u>-</u>
			547,074,105.51
Perbelanjaan Bekalan Air			
Langsung	9,248,779.11	6,564,516.31	
Pinjaman	<u>37,671,987.93</u>	<u>46,920,767.04</u>	<u>10,798,440.19</u>
			17,362,956.50
Jumlah Bayaran	<u>2,377,468,375.43</u>		<u>1,941,344,255.63</u>
Tambah/(Kurang) Wangtunai	(1,060,453,216.10)		(345,165,634.17)
* Terimaan / (Bayaran) Bersih Amanah Wang Tunai Pada 1 Januari	<u>1,155,559,442.76</u>		<u>305,600,838.75</u>
	<u>85,397,328.01</u>		<u>124,962,123.43</u>
JUMLAH WANGTUNAI PADA 31 DISEMBER	<u>180,503,554.67</u>		<u>85,397,328.01</u>

* Nota : Jumlah Terimaan / (Bayaran) Bersih Amanah Termasuk Pengeluaran/Penyimpanan Pelaburan

DATO' HJ MAZLAN BIN NGAN
Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu Darul Iman
10 Feb 2008



WAN RAHIMI BIN WAN AB. RAZAK
Bendahari Negeri
Terengganu Darul Iman
10 Feb 2008

Lampiran IV

Penyata Akaun Memorandum
seperti pada 31 Disember, 2007

	<u>Nota</u>	<u>2007</u>	<u>2006</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
ASET			
F1 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	18	357,860,876.47	363,602,230.24
F2 PELABURAN	19	35,500,002.00	36,149,840.80
F3 TUNGGAKAN HASIL	20	95,799,754.49	95,929,503.01
TANGGUNGAN			
G HUTANG AWAM	21	937,872,211.80	903,054,853.28

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan

DATO' HJ MAZLAN BIN NGAH
Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu Darul Iman
10 Feb 2008


WAN RAHIMI BIN WAN AB. RAZAK
Bendahari Negeri
Terengganu Darul Iman
10 Feb 2008

Lampiran V

C Penyata Akaun Hasil Disatukan
seperti pada 31 Disember,2007

Perihal	2007			2006		
	Belanjawan		Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	% Belanjawan	RM	% Belanjawan	
BAKI PADA 1 JANUARI		5,974,343.55		(178,261,477.87)		
I HASIL						
Hasil Cukai	59,022,407.00	36,985,513.24	62.66	34,028,424.30	81.72	
Hasil Bukan Cukai	103,332,071.20	125,355,876.49	121.31	106,017,013.72	109.72	
Terimaan Bukan Hasil	1,452,230,521.80	1,099,791,374.83	75.73	1,421,097,577.02	100.70	
Jumlah Hasil	1,614,585,000.00	1,262,132,764.56	78.17	1,561,143,015.04	100.75	
II PERBELANJAAN MENGURUS						
Emolumen	203,812,498.12	186,677,694.00	91.59	169,579,782.85	84.63	
Perkhidmatan Dan Bekalan	135,329,014.95	121,757,585.27	89.97	109,786,118.33	88.77	
Aset	82,078,887.75	73,190,200.57	89.17	85,728,440.64	83.54	
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,191,704,599.18	1,163,413,400.25	97.63	1,011,177,400.58	89.97	
Perbelanjaan Lain	1,660,000.00	1,483,733.44	89.38	635,451.22	31.93	
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	1,614,585,000.00	1,546,522,613.53	95.78	1,376,907,193.62	88.69	
Lebihan /(Defisit) Bagi Tahun (I - II)	0.00	(284,389,848.97)		184,235,821.42		
BAKI PADA 31 DISEMBER		(278,415,505.42)		5,974,343.55		

Butir Lanjut : Penyata C1 dan C2

**Nota Kepada Akaun Awam
bagi tahun berakhir 31 Disember 2007**

(*Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu di baca bersama dengannya*)

DASAR DAN KAEADAH PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI YANG PENTING

1. Kerajaan Negeri Terengganu Sebagai Entiti Perakaunan

Sebagai Entiti Perakaunan, Kerajaan Negeri Terengganu adalah termasuk semua jabatan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman tetapi tidak termasuk Badan-badan Berkanun, Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri.

2. Kumpulan wang Negeri Disatukan

Mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972), tiga akaun berasingan diselenggarakan di bawah Kumpulan wang Negeri Disatukan iaitu:-

- a) Akaun Hasil Disatukan (Penyata C), yang mana segala hasil yang diterima dan perbelanjaan mengurus yang terlibat dikenakan kepada akaun ini.
- b) Akaun Pinjaman Disatukan (Penyata D), yang mengakaunkan semua terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan pembayaran yang dibuat kepada Badan-badan Berkanun Negeri termasuk pindahan kepada Kumpulan wang Pembangunan Negeri serta Kumpulan wang Bekalan Air Negeri; dan
- c) Akaun Amanah Disatukan (Penyata E), yang mana segala terimaan dan bayaran Kumpulan wang Amanah Kerajaan dan wang yang diterima oleh Kerajaan untuk maksud tertentu diakaunkan.

3. Akaun Memorandum

Akaun Memorandum menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan yang bukan merupakan sebahagian dari baki Kumpulan wang Negeri Disatukan, tidak disertakan dalam Lembaran Imbangan tetapi disertakan berasingan dalam Penyata Akaun Memorandum. Penyata Akaun Memorandum yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan terdiri dari penyata yang berkaitan dengan aset (F) seperti pinjaman boleh dituntut (Penyata F1), pelaburan (Penyata F2), tunggakan hasil (Penyata F3) dan penyata yang berkaitan dengan tanggungan seperti hutang awam (Penyata G).

4. Konsep Asas

Dasar perakaunan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan dua konsep seperti terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:-

**Nota Kepada Akaun Awam
bagi tahun berakhir 31 Disember 2007**

(*Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu di baca bersama dengannya*)

- a) Segala hasil atau wang yang didapatkan atau diterima; kecuali zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya dibayar masuk ke dalam Kumpulan wang Negeri Disatukan (Fasal 97 Perlembagaan Persekutuan); dan
- b) Tiada wang kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu, boleh dikeluarkan dari Kumpulan wang Negeri Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Fasal 104 Perlembagaan Persekutuan).

5. Dasar Perakaunan

Dasar perakaunan yang digunakan untuk mengakaunkan terimaan dan bayaran adalah mengikut Asas Tunai Diubahsuai. Asas ini membenarkan bayaran dibuat dalam bulan Januari (Akaun Kena Bayar) bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember tahun sebelumnya untuk dikenakan kepada akaun tahun ini.

6. Tahun Kewangan

Tahun Kewangan ditetapkan oleh Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) sebagai suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

7. Aset dan Tanggungan

Aset tetap dikenakan kepada perbelanjaan pada masa ianya dibeli atau dibina. Tuntutan kewangan oleh Kerajaan Negeri seperti hasil terbaru dan pinjaman boleh dituntut tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbang. Walau bagaimanapun, penyata pinjaman boleh dituntut (Penyata F1), pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus (Penyata F2) dan penyata tunggakan hasil (Penyata F3) ditunjukkan dalam Akaun Memorandum. Tanggungan Kerajaan Negeri yang belum diselesaikan pada penutup tahun kewangan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbang. Walau bagaimanapun, penyata mengenai hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan (Penyata G) ditunjukkan dalam Akaun Memorandum.

ASET

8. Wang tunai dan Pelaburan

- a) Wang tunai (Penyata A) adalah terdiri daripada Wang tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Bank.

Nota Kepada Akaun Awam bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

(*Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu di baca bersama dengannya*)

- b) Pelaburan (Penyata B) adalah pelaburan dalam Simpanan Al-Mudharabah bagi tempoh pelaburan 3 bulan dan ke atas.

AKAUN HASIL DISATUKAN

9. Hasil

Kutipan hasil (Penyata C1) diakaunkan mengikut asas tunai dengan mengambil kira jumlah kasar hasil yang diterima. Perbelanjaan yang dilibatkan untuk mendapatkan hasil dan bayaran balik hasil yang dilakukan mengikut mana-mana undang-undang dikenakan kepada perbelanjaan. Hasil yang patut diterima tetapi sebenarnya belum diterima dalam tahun kewangan berkenaan tidak dimasukkan akaun.

10. Perbelanjaan

Semua kenaan kepada peruntukan Belanjawan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan wang Pembangunan serta wang yang diintukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pemberian dianggap sebagai perbelanjaan (Penyata C2).

Terimaan balik bayaran lebih yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada akaun hasil.

11. Perbelanjaan Tanggungan

Perbelanjaan tanggungan (Penyata C2) terdiri dari perbelanjaan yang wajib dikenakan ke atas Kumpulan wang Negeri Disatukan mengikut mana-mana undang-undang Negeri yang telah ditentukan. Perbelanjaan ini termasuklah pencen, pampasan, ganjaran, perbelanjaan hutang dan ganti rugi atau bayaran atas perintah mahkamah. Walaupun peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri, ianya tidak dibahaskan.

AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

12. Akaun Pinjaman

Pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa undang-undang Negeri dan pembayaran yang berkaitan diakaunkan dalam Akaun Pinjaman (Penyata D).

**Nota Kepada Akaun Awam
bagi tahun berakhir 31 Disember 2007**

(*Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu di baca bersama dengannya*)

AKAUN AMANAH YANG DISATUKAN

13. Kumpulan wang Amanah Kerajaan

Kumpulan wang Amanah Kerajaan (Penyata E1) ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

14. Kumpulan wang Pembangunan

Kumpulan wang Pembangunan Negeri yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, diakaunkan dalam Akaun Amanah Disatukan (Penyata E1a) Terimaan Kumpulan wang ini terdiri dari pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan, pemberian Persekutuan (Geran), terimaan bayaran balik pokok pinjaman oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri, pemberian imbuhanbalik projek-projek tertentu oleh Kerajaan Persekutuan dan pelbagai terimaan. Wang dalam kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud-maksud seperti yang ditentukan dalam Akta Kumpulan wang Pembangunan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

15. Kumpulan wang Amanah Awam

Kumpulan wang Amanah Awam (Penyata E2) yang ditubuhkan di bawah seksyen 9 Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) terdiri dari kumpulan wang khas yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu.

16. Deposit

Akaun Amanah bagi Deposit (Penyata E3) mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANGTUNAI

17. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Semua penerimaan dan pembayaran wang tunai ditunjukkan dalam penyata ini. Terimaan wang tunai terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman dalam negeri, terimaan balik pinjaman dan juga terimaan-terimaan lain. Bayaran wang tunai pula terdiri daripada bayaran semua perbelanjaan mengurus, pembangunan, bekalan air dan bayaran-bayaran lain.

**Nota Kepada Akaun Awam
bagi tahun berakhir 31 Disember 2007**

(*Nota ini merupakan sebahagian daripada Akaun Awam dan perlu di baca bersama dengannya*)

AKAUN MEMORANDUM

18. Pinjaman Boleh Dituntut

Akaun ini menunjukkan baki hutang Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dengan Kerajaan Negeri yang mana pinjaman tersebut dibiayai oleh sumber negeri dan sumber Persekutuan (Penyata F1).

19 Pelaburan

Pelaburan yang tekah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan tetapi dilaporkan dalam Penyata Memorandum (Penyata F2). Pelaburan yang ditunjukkan dalam Penyata F2 adalah berdasarkan Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) yang berkaitan iaitu PPK2, PPK6 dan PPK8.

Pada 1 Mac 2007, Perbadanan Menteri Besar Terengganu (MB Inc) telah menandatangani Perjanjian Penyusunan Semula Organisasi (*Reorganization Exercise Agreement*) dengan Terengganu Incorporated Sdn Bhd (Terengganu Inc). Proses penyusunan semula organisasi ini melibatkan pindah milik saham-saham syarikat berkaitan dari MB Inc kepada Terengganu Inc yang telah dilaksanakan dalam tahun 2007.

20 Tunggakan Hasil

Hasil yang sepatutnya dipungut oleh pejabat pemungut tetapi tidak dapat dikutip sehingga akhir Tahun Kewangan 2006 (Penyata F3)

21. Hutang Awam

Akaun ini menunjukkan baki hutang yang terdiri dari semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek-projek pembangunan negeri dan Badan-badan Berkanun Negeri (Penyata G1).